International Journal of Humanities, Philosophy and Language
EISSN : 2600-8270
Volume 5 Issue 17 (March 2022) PP. 83-106
DOI 10.35631/IJHPL.517007



INTERNATIONAL JOURNAL OF HUMANITIES, PHILOSOPHY AND LANGUAGE (IJHPL)
www.ijhpl.com

PERBANDINGAN ANTARA KARYA NOVEL; "TENGGELAMNYA KAPAL VAN DER WIJCK" OLEH HAMKA DAN "MAJDULIN" OLEH AL-MANFALUTHI: BENARKAH HAMKA MENCIPLAK KARYA AL-MANFALUTHI?

COMPARING TWO NOVELS: THE SINKING OF VAN DER WIJCK BY HAMKA AND AL-MANFALUTI'S MAJDULIN: DID HAMKA PLAGIARIZE AL-MANFALUTHI?

Adli Yaacob[1]

[1] Profesor Madya, Jabatan Bahasa Arab dan Sastera, Kuliah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia
Email: adlihy@iium.edu.my

Article Info:

Article history:
Received date: 15.01.2022
Revised date: 20.02.2022
Accepted date: 15.03.2022
Published date: 31.03.2022

To cite this document:

Yaacob, A. (2022). Perbandingan Antara Karya Novel; "Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck" Oleh Hamka Dan "Majdulin" Oleh Al-Manfaluthi: Benarkah Hamka Menciplak Karya Al-Manfaluthi? *International Journal of Humanities, Philosophy and Language, 5* (17), 83-106.

DOI: 10.35631/IJHPL.517007.

Abstrak:

Kertas kerja ini secara khusus mengkaji pengaruh Novel Majdulin oleh al-Manfaluthi keatas Novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck oleh HAMKA. Novel al-Majdulin merupakan satu karya yang mashur yang telah diterjemahkan kedalam Bahasa Arab, karya asalnya dalam Bahasa Perancis ditulis oleh Alphonse Karr. Sebahagian dari pengkritik sastera berpendapat hasil terjemahan dari al-Manfaluthi ini lebih baik dari karya asal. Ini mungkin disebabkan pengaruh penggunaan 'uslub balagah' dan 'style of writing' dalam Bahasa Arab, disamping kekuatan keperibadian al-Manfaluthi dalam arena penulisan. Jesteru, rujukan utama dalam kajian bandingan ini ialah novel terjemahan al-Manfaluthi tidak novel asal yang ditulis Alphonse Karr. Watak utama dari novel ini ialah Steven dan Majdulin (Magadelena). Manakala Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck adalah Novel Karya Hamka. Novel ini barangkali boleh dijulang sebagai 'masterpiece' Hamka dalam bidang kesusasteraan berbanding novel novelnya yang lain. Ini kerana, novel ini telah melonjak nama HAMKA sebagai sasterawan. Watak utama dari novel ini ialah Zainuddin dan Hayati.Tuntasnya, kajian ini, membandingkan aspek aspek yang ada persamaan diantara keduanya; baik dari aspek bahasa, plot, watak dan latar. Apabila dikaji, meskipun terdapat pengaruh dalam pelbagai aspek dalam

[1] Profesor Madya, Jabatan Bahasa Arab dan Sastera, Kuliah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Humanities, Philosophy and Language
IJHPL
EISSN : 2600-8270
Volume 5 Issue 17 (March 2022) PP. 83-106
DOI 10.35631/IJHPL.517007

This work is licensed under CC BY 4.0

novel 'Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck' karya HAMKA.HAMKA berjaya menampilkan 'style of writing' yang cemerlang dengan menampilkan watak, plot, latar, ungkapan bahasa, falsafah dan pengajaran yang menepati suasana tempatan. Walaupun terdapat mereka yang tidak sealiran dengan HAMKA, mengkritik dan menuduhnya sebagai penciplak. Menerusi novel ini, HAMKA dengan kekuatannya yang tersendiri sebagai penulis tetap menampilkan keistimewaan yang luar biasa sebagai sasterwan yang menyerlahkan keperibadianya sebagai penulis yang hebat. HAMKA telah terdedah dengan karrya karya barat yang diterjemahkan kedalam Bahasa Arab. Menerusi pembacaan dari karya karya ini dan memiliki bakat yang istemewa serta mempunyai 'himmah' dan cita cita yang tinggi, dengan izin Allah HAMKA telah membentuk dirinya menjadi penulis yang hebat.

Kata Kunci:

Sasterawan, Karya, Watak, Plot, Ciplak, Aspek Bahasa, Latar, Pemikiran, Falsafah, Pengaruh

Abstract:

This paper studies the influence of a novel entitled Majdulin by Al-Manfaluti on the novel “The Sinking of the Van Der Wijck” by Hamka. The former was a renowned translated work into Arabic from French originally by Alphonse Karr. Some critics mentioned that the translation was even better in its presentation, given the talent of Manfaluti in Arabic. This study will only focus of the Arabic version of the novel without attempting to refer to its French original. In Magdalena, the main characters are Steven and Magadelena while in Hamka’s version the characters were Zainudin and Hayati. The novel has placed Hamka with some other prominent writers of his time and could even be regarded as his masterpiece. Upon comparing the two novels, apart from the similarities, Hamka’s had managed to localize the novel with his own style of writing. Albeit the critics hauled at him as a plagiarist, he did however manage to come out strong with his own expression and style. Having been exposed to some Arabic translations of western novels, he nevertheless crafted his own path to become known as a writer with his own style and distinction.

Keywords:

Writer, Literary Plot, Plagiarism, Language Aspect, Background, Thought, Philosophy, Influence

Pendahuluan

“Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck” karya Prof. Hamka dikatakan mempunyai unsur persamaan yang ketara dengan karya sasterawan terkenal Mesir, Mustafa Lutfi Al-Manfaluthi “Majdulin” yang merupakan terjemahan serta adaptasi daripada karya asal Alphonse Karr yang berjudul “Sous Les Tilleus”. Berdasarkan pembacaan, persamaan ini dapat ditemukan dari pelbagai sudut termasuklah watak, plot dan aspek bahasa. Persamaan yang bakal ditemui tidaklah menghairankan lantaran [***perkara ini turut diakui sendiri oleh Prof. Hamka*** ***sewaktu beliau ditanya sendiri oleh Tuan Haji Abdul Hamid di Cilegon, Soerkati. Beliau merupakan orang pertama yang telah menyatakan bahawa sebenarnya karya Hamka, Tenggelamnya Kapal van Der Wijck, adalah hasil ‘ciplak’ dari karya Al-Manfaluthi, Majdulin dan Di Bawah Lindungan Ka'bah adalah ‘ciplak’ dari karya Al-Manfaluthi al-Yatim. Hamka demikian terkesima dan dengan mudah ia membuktikan kesamaan bunyi suara Zainuddin***

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Humanities, Philosophy and Language
IJHPL
EISSN : 2600-8270
Volume 5 Issue 17 (March 2022) PP. 83-106
DOI 10.35631/IJHPL.517007

kepada Hayati dengan membaca di luar kepala aslinya berbahasa Arab dari karya Al-Manfaluthi. Dengan nada rendah, akhirnya Hamka berkomentar, "Sebenarnya yang namanya pengarang itu pada hakikatnya seorang pencuri intelektual."(http://www.alirsyad.or.id/more.php?id=456_0_13_0_M)

Manakala perbandingan yang akan cuba diketengahkan pada kali ini akan memfokuskan kepada jalan cerita iaitu plot sahaja-secara amnya mengikut tertib plot-serta meminimumkan pembicaraan tentang aspek-aspek yang lain. Perbandingan akan meliputi aspek-aspek persamaan serta perbezaan plot kedua-dua karya agung ini, pengetengahan petikan-petikan bagi menyokong perbandingan serta analisis dari sudut pandangan pengkaji sendiri tentang bagaimana Hamka, walaupun mengakui 'menciplak' karya al-Manfaluthi telah berjaya membina identitinya yang tersendiri dalam " Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck".

Plot karya Hamka tidaklah meniru secara total suasana novel asal sebaliknya dilatari dan dipenuhi dengan unsur-unsur agama Islam dan adat istiadat Melayu. Hal ini sesuai dengan latar belakang penulis yang merupakan seorang ulamak. Ujar Hamka : *" Orang yang beriman imajinasinya pasti dalam lingkungan iman. Sebab itu maka sekalian karangan saya, terutama* ***roman*** *yang saya karang diwaktu mudaku, selalu membayangkan imajinasi saya sebagai Muslimin…sebab imajinasi tetap ada hubungan dengan bawah sadar jiwa kita, atau 'aqal batin kita."*(H.B Jassin,1972:189) Hal ini juga bersesuaian dengan sasaran para pembaca iaitu orang Melayu muslim yang pasti jiwanya lebih serasi dan mudah terkesan dengan plot novel yang sedemikian rupa.

Karya ini dimulakan dengan penceritaan latar belakang watak utama iaitu Zainuddin dalam bab 1 : 'Anak orang terbuang' dan bab 2: ' Yatim Piatu'. Diceritakan dalam bab ini bagaimana ayah Zainuddin, Pendekar Sutan, anak jati Padang Panjang yang terletak dalam wilayah Batipuh Sapuluh Koto telah dihukum buang negeri ke Cilacap dan kemudian dibawa orang ke Tanah Bugis dan seterusnya ke Tanah Mengkasar kerana membunuh orang. Ayahnya kemudiannya bertemu jodoh dengan Daeng Habibah, ibu Zainuddin yang berayahkan seorang tua, keturunan bangsa Melayu ulama'. Diceritakan juga saat-saat kematian ibu dan ayahnya yang diceritakan semula oleh Mak Base, pengasuh Zainuddin sejak kecil kepada Zainuddin.(Hamka, 2004: 1-18) Anak yatim piatu ini kemudiannya menjadi orang dagang merantau menuju ke negeri asalnya untuk bertemu sanak-saudaranya di samping mendalami ilmu agama(bab 3 : 'Menuju Negeri Nenek Moyang).(Hamka, 2004: 19-23) Sesampainya dia di tanah asal,(bab 4: 'Tanah Asal') kegembiraan menguasai diri namun tidak lama rupanya kerana dia tetap dianggap orang dagang meskipun dia anak orang Minangkabau tulen. Di sana dia menumpang hidup di rumah bakonya, iaitu keluarga daripada pihak ayah. Di sinilah bermula kisah perkenalannya dengan Hayati sekaligus membibitkan buah cinta antara mereka. Hamka bijak memulakan kisah ini dengan persoalan yang bisa menyentak hati pembaca : ***"Wahai, dari manakah pengarang yang lemah ini akan memulai menceritakan sebab-sebab Hayati berkenalan dengan Zainuddin?"***(Hamka,2004: 25-29) Bagaikan tersimpan rahsia agung yang sedang menanti untuk disingkap oleh para pembaca!

Manakala karya al Manfaluthi pula dimulakan dengan kiriman surat dari Majdulin buat sahabat karibnya Susan menceritakan perihal kewujudan seorang pemuda yang tidak tampan paras rupanya tetapi aneh dan gemar bersendirian yang menyewa di tingkat atas rumahnya. Pemuda itu ialah Steven, watak utama di dalam karya ini yang telah melarikan diri dari keluarganya setelah dipaksa berkahwin dengan gadis pilihan bapanya, Banon atas dasar harta. Surat sahabat karibnya, Edward buatnya dalam plot berikut menjelaskan hal ini. Steven mulai rapat dengan

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Humanities, Philosophy and Language
IJHPL
EISSN : 2600-8270
Volume 5 Issue 17 (March 2022) PP. 83-106
DOI 10.35631/IJHPL.517007

Muller dan akhirnya menyedari dirinya telah jatuh cinta pada Majdulin melalui perasaan cemburu yang berputik di dalam hatinya tatkala melihat kemesraan Majdulin dengan saudaranya Smith. (al-Manfaluthi, 2001: 463-469) ***" Mereka kelihatan seperti pasangan kekasih yang sedang asyik bercinta dan memadu asmara, mereka tidak kelihatan seperti dua orang saudara yang sedang bersenda gurau. Sesungguhnya keadaan ini telah menyakiti dan mengganggu ketenangan Steven".***(al-Manfaluthi, 2001: 468)

Ringkasan Perbandingan Antara Dua Novel

Saat pertama Zainuddin berkenalan dengan Hayati pula ialah ketika hujan lebat. Dia telah meminjamkan payungnya buat Hayati dan temannya yang terperangkap dalam hujan yang lebat. Selama ini dia hanya mendengar nama Hayati yang menjadi titian di bibir anak-anak muda. Zainuddin juga tidak kurang terkenal namanya di kalangan gadis-gadis di kampong Batipuh lantaran keluhuran budi. Setelah pertemuan disusuli perbualan seketika itu(Hamka, 2004: 30-32), tergerak di hati Zainuddin : ***"Ah, alangkah beruntungnya jika dia dapat berkenalan dengan gadis itu, berkenalan saja pun cukuplah. Mukanya amat jernih, matanya penuh dengan rahsia kesucian dan tabiatnya gembira."***(Hamka,2004 : 32) Zainuddin kemudiannya menyedari kewujudan rasa itu setelah dua hari dia merasakan seolah-olah demam sejak pertemuannya dengan Hayati di sawah.(Hamka, 2004: 38) Dia mengirimkan surat pertama buat Hayati yang hakikatnya telah membuka rahsia hatinya walaupun permintaan secara zahir di dalam surat itu hanyalah persahabatan.(Hamka,2001: 45) Sejurus membacanya, Hayati serba tak keruan dan sepanjang malam itu dia karam dalam permohonannya kepada Tuhan lantaran besarnya pengaruh surat anak muda itu buat dirinya. Dia mula merasakan kedamaian cinta perlahan-lahan meresapi dirinya. Hayati mengadu kepada Allah " ***…Hamba sayang akan dia, hamba…cinta dia! Jika cinta itu satu dosa, ampunilah dan maafkanlah! Hamba akan turut perintah-Mu…"***(Hamka, 2001: 46)

Permulaan Cinta

Majdulin juga tenggelam dalam doa kepada Tuhannya lantaran menyedari tumbuhnya satu rasa yang aneh dalam dirinya. Ketika ini, Steven belum lagi meluahkan perasaannya secara nyata kepada Majdulin. Kemudian, plot yang didapati di dalam karya 'Majdulin' dan tidak diikuti jejaknya oleh Hamka ialah lukisan kesengsaraan dan kegelisahan yang dialami oleh Steven dengan kehadiran perasaan tersebut. Dia bagaikan hilang kewarasan diri dan bergerak menonong ke rumah Muller serta 'menceroboh' masuk ke dalam kamar Majdulin. Kesan cinta yang mendalam juga telah memberi satu kekuatan kepadanya untuk berjuang hidup ketika hampir lemas dalam usahanya menyelamatkan seorang lelaki yang hampir mati kelemasan.(al-Manfaluthi, 2001: 471-476) ***" Ketika aku menyebut namamu, satu kekuatan telah mengalir di dalam tubuhku…setelah aku selamat, aku menyedari engkaulah yang telah menyebabkan aku terselamat."***(al-Manfaluthi, 20012: 480) Cinta jugalah yang telah mendorong Steven melakukan pengorbanan yang besar itu hingga hampir-hampir lemas. Ujar Steven : ***" Sebelum ini, aku bukanlah tergolong di dalam golongan orang-orang yang suka berbuat kebaikan, tetapi cinta yang memenuhi hati orang yang bercinta dengan sifat kasih sayang dan kerinduan sanggup menghadapi apa sahaja sehingga bahaya yang besar dihadapinya nampak kecil di matanya. Dan kerana cinta juga telah mendorong aku untuk melakukan kebaikan dan kebajikan."***(al-Manfaluthi, 2001: 479-480)

Saat berterus-terang antara pasangan kekasih ini tentang perasaan masing-masing datang pada plot seterusnya. Saat ini terukir di bawah sebatang pohon Tilia yang merendang di taman kawasan rumah Majdulin.(al-Manfaluthi, 20012: 477-478) Manakala bagi pasangan Zainuddin dan Hayati pula, berterus-terang antara mereka terjadi setelah tiga kiriman surat

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Humanities, Philosophy and Language
IJHPL
EISSN : 2600-8270
Volume 5 Issue 17 (March 2022) PP. 83-106
DOI 10.35631/IJHPL.517007

dikirimkan oleh Zainuddin buat Hayati. Dalam surat-surat yang dikirimkan, jelaslah perasaan Zainuddin terhadap Hayati, cuma pihak Hayati masih lagi kesamaran bagi Zainuddin. Anak muda itu berulangkali meminta agar suratnya dibalas sambil menekankan bahawa tidak ada aibnya mereka berutus surat. ***" Rasanya lebih aib dan lebih cela anak perempuan yang sengaja menunduk-nundukkan kepalanya jika melihat seorang laki-laki, tetapi setelah selendangnya dibukanya, dia mengintip orang lalu lintas dari celah dinding."***(Hamka, 2004: 56-57) Steven juga yang telah dua kali mengirimkan surat kepada Majdulin setelah berterus-terang secara berdepan tentang rasa hatinya kepada Majdulin mula mempersoalkan kenapakah suratnya tidak dibalas? Adakah bimbang dipandang hina atau harga diri tercemar? Steven percaya tidak ada aibnya bagi pasangan yang telah menyerahkan hati kepada kekasihnya untuk berbalasan surat dengannya.(al-Manfaluthi, 2001: 481-480) Dapatlah diamati dengan jelas bahawasanya unsur kiriman surat samada sesama kekasih atau sahabat mendominasi plot cerita kedua-dua karya agung ini. Memetik kata Zainuddin : ***"Dengan surat-surat kita belajar berbudi halus. Dalam susunan surat-surat dapat diketahui perkataan-perkataan yang pepat di luar, pancung di dalam. Dengan surat-surat dapat diketahui dalam dangkalnya budi pekerti manusia."*** (Hamka, 2004: 57)

Dalam karya Hamka, Hayati kemudiannya membalas surat secara ringkas, mohon pertemuan. Dalam pertemuan yang ditemani adiknya (di sini jelas unsur pemeliharaan adab syariat Islam iaitu tidak boleh seorang perempuan bertemu dengan lelaki bukan mahramnya tanpa ditemani mahramnya, manakala pertemuan Steven dan Majdulin hanya berdua-duaan sahaja) di dangau di sawah tempat mula-mula mereka bertemu dahulu, terzahirlah perasaan Hayati. Terdapat persamaan di antara watak heroin di mana kedua-duanya menangis kerana takut akan cinta. Persamaan dialog juga berlaku antara watak hero di mana kedua-duanya mengemukakan persoalan yang sama : Tidakkah engkau percaya bahawa engkau mempunyai hati yang suci? (Hamka,2004: 60)(al-Manfaluthi, 2001: 480) Setelah kekasih mengiakan, maka jawapan watak Hero juga mempunyai persamaan dari sudut Tuhan itu ada dan akan membelanya serta tidak menyia-nyiakannya. Perumpamaan yang digunakan seterusnya juga menunjukkan persamaan yang ketara. Ujar Steven ***: " Ketahuilah, Allahlah yang menjadikan matahari dan memberinya sinar, Dialah yang menjadikan bunga dan memberinya bau-bauan yang harum, manjadikan tubuh badan dan meniupkan ruh ke dalam jasadnya, menjadikan mata dan memberikan cahaya supaya kita dapat melihat dan Dia juga telah menciptakan hati supaya timbul di dalamnya perasaan cinta."***(al-Manfaluthi, 2001: 480) Bandingkan petikan ini dengan kata-kata Zainuddin kepada Hayati : ***"Ketahuilah bahawa Allah yang menjadikan matahari dan memberinya cahaya. Allah yang menjadikan bunga dan memberinya wangi. Allah yang menjadikan tubuh dan memberinya nyawa. Allah yang menjadikan mata dan memberinya penglihatan. Maka Allah pulalah yang menjadikan hati dan memberinya cinta."***(Hamka, 2004: 61). Setelah itu, Majdulin bagai menerima tetapi Hayati masih lagi teragak-agak untuk menerima ikatan cinta antara mereka sebaliknya teragak-agak antara persahabatan dan cinta. Namun akhirnya dia pasrah dengan perasaannya. Satu lagi unsur persamaan ialah watak hero meminta kekasih menghulurkan tangannya, berjanji bersumpah setia untuk hidup bersama-sama dan hanya maut yang akan memisahkan. Dalam karya 'Majdulin' jelaslah mereka berpegangan tangan tetapi di dalam karya Hamka tidaklah digambarkan dengan jelas. Perpisahan mereka setelah bersumpah setia ialah ketika matahari terbenam namun Hamka bijak menyelitkan unsur Islam iaitu kedengaran bunyi tabuh, diiringkan oleh suara azan: …..*Hayya 'alal falaah!*(Hamka, 2004: 63)

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Humanities, Philosophy and Language
IJHPL
EISSN : 2600-8270
Volume 5 Issue 17 (March 2022) PP. 83-106
DOI 10.35631/IJHPL.517007

Setelah termeterainya sumpah setia antara Steven dan Majdulin, berlangsunglah pertemuan demi pertemuan antara mereka berdua sama ada di rumah, taman, di bawah pohon Biola, hutan ataupun tepi sungai. Mereka banyak menghabiskan masa bersama serta menganyam impian masa depan bersama-sama. Betapa akan dibina rumah dua tingkat yang lengkap dengan taman dan kolam ikan yang berwarna-warni. Pada akhir satu pertemuan, Steven telah mengucup kening Majdulin dan baginya bukanlah itu satu kesalahan dan akhirnya Steven dapat meyakinkan hakikat itu kepada Majdulin.(al-Manfaluthi, 2001: 481-484)

Manakala Zainuddin dan Hayati pula, semakin rapatlah persahabatan mereka berdua namun masih dalam batasan adat dan syariat. Pun begitu, percintaan itu dipandang serong oleh orang kampong dan yang paling dihinakan orang ialah mamak Hayati sendiri iaitu Datuk. Datuk telah berjumpa dengan Zainuddin dan memintanya berangkat keluar dari negeri Batipuh dan melupakan Hayati. (Hamka, 2004: 65-67) Dalam 'Majdulin' pula Muller telah mengirimkan surat 'mengusir' Steven secara 'terhormat' kerana tidak mahu anaknya terus berkasih-kasihan dengan Steven. (al-Manfaluthi, 2001: 484)

Rintangan

Plot seterusnya menyaksikan persamaan situasi watak heroin ketika mengetahui berita perpisahan. Majdulin sedang menjahit bajunya untuk persiapan perkahwinan (al-Manfaluthi, 2001: 485) manakala Hayati sedang merendai sehelai sarung bantal, berkemungkinan ia sarung bantal perkahwinan.(Hamka, 2004: 69) Majdulin dan Hayati kedua-duanya cuba membantah dan mempertahankan cinta suci mereka tetapi dibantah keras dan muktamad oleh Muller dan Datuk. Steven dipandang rendah lantaran dia orang seni yang tidak berharta walaupun dahulunya diakui ketinggian intelektualnya. Dia juga dikatakan ego dan sombong yang akan menghalangnya dari mencapai kejayaan dalam hidup. Muller bahkan menafikan sama sekali kebaikan yang pernah ditemuinya dalam diri Steven dengan katanya :

" Tidak ada satupun kebaikan di dalam dirinya."(al-Manfaluthi, 2001: 485) Manakala Zainuddin hampir menemui jalan buntu untuk memiliki Hayati kerana tidak berharta dan kekangan adat. Hal ini jelas kelihatan pada kata-kata Datuk ***" Pada zaman sekarang haruslah suami penumpangkan hidup itu seorang yang tentu pencarian, tentu asal-usul. Jika perkahwinan dengan orang yang demikian langsung, dan engkau beroleh anak, ke manakah anak itu akan berbako? Tidakkah engkau tahu bahawa Gunung Merapi masih tegak dengan teguhnya? Adat masih berdiri dengan kuat tak boleh lapuk oleh hujan, tak boleh lekang oleh panas***?"(Hamka, 2004: 70) Kedua-dua watak menangis minta simpati dan dikasihani, namun tidak dipedulikan. Badai perasaan mula melanda menggoncang dengan hebatnya perasaan mereka…

Bagaimana Steven dan Zainuddin menghadapi saat-saat sukar ini? Reaksi Steven lebih negatif jika dibandingkan dengan Zainuddin. Dia memukul-mukul dadanya sambil meratap menangisi nasibnya dan mengutuk-ngutuk Muller . ***"Berhati-hatilah wahai orang tua bodoh! Adakah engkau menyangka aku ini seekor kambing bodoh atau seekor ayam yang bodoh, menyerahkan dirinya untuk disembelih ketika dikehendaki?".***(al-Manfaluthi, 2001:486) Pun akhirnya dia terjelopok mengakui kesilapannya di hadapan Tuhan atas kesombongannya di atas kekuatan dan kemampuannya**.**Manakala Hamka yang mengetahui betapa bangsa Melayu sangat mementingkan kesopanan dan tata susila mengatur emosi watak Zainuddin dengan bijak.Zainuddin juga dirundung duka yang amat sangat lantas terdorong membenci masyarakat asal ayahnya itu lantaran kekangan adatnya yang tidak munasabah dan memandang asing pada orang seumpamanya yang hakikatnya sebahagian daripada mereka. Namun, sebentar sahaja

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Humanities, Philosophy and Language
IJHPL
EISSN : 2600-8270
Volume 5 Issue 17 (March 2022) PP. 83-106
DOI 10.35631/IJHPL.517007
singgahnya benci itu, apabila diingatnya bahawa ayahnya berasal dari situ juga. Lagi pula Hayati juga dilahirkan di kalangan itu.(Hamka, 2004: 74)

Setelah jelaslah hakikat perpisahan yang harus ditempuhi pada saat bunga-bunga cinta mula mekar mewangi antara pasangan kekasih itu, Majdulin mengatur langkah ke bilik Steven di tingkat atas rumahnya bagi mengucapkan selamat tinggal buat kekasihnya. Manakala Hayati pula menunggu Zainuddin di tengah jalannya meninggalkan negeri Batipuh. Pada pertemuan itu, Majdulin dan Hayati sama-sama mengucapkan selamat tinggal buat watak hero dan meminta mereka agar tidak sekali-kali berputus asa dan membiarkan diri terus-menerus diselubungi duka hingga melemahkan diri. Watak heroin juga tanpa ragu-ragu menegaskan yang jiwanya telah dipenuhi oleh cinta terhadap pasangannya dan bersumpah dengan Tuhan bahawasanya watak herolah yang akan menjadi suaminya serta dia tidak akan mengkhianati janjinya itu. Heroin juga berjanji akan setia menanti serta akan tetap bersih dan suci sepanjang penantian hanya untuk kekasih. Sesungguhnya janji sumpah seumpama ini sangatlah berat bebanan dan tanggungannya. Mereka juga saling berjanji untuk berutus-surat sesama mereka tanda keterikatan jiwa walaupun jasad terpisah. Persamaan yang ketara juga ialah watak hero meminta sesuatu daripada heroin sebagai bekalan dan tanda kenang-kenangan sepanjang perpisahan. Majdulin dan Steven saling bertukar helaian rambut masing-masing manakala Hayati memberikan beberapa helai rambutnya dan diberikan kepada Zainuddin. Tetaplah perpisahan. (Hamka, 2004: 76-79)(al-Manfaluthi, 2001: 488-489) Pepatah mengatakan : ‘Jauh di mata, dekat di hati’. Namun terbukti kadang-kadang boleh jadi jauh di mata bakal memudarkan rindu di jiwa.

Menagih Cinta

Sepemergian Steven dan Zainuddin meninggalkan Welfach ke Koblenz dan dusun Batipuh ke kota Padang Panjang, mereka didatangi surat dari Majdulin dan Hayati. Isi kandungan menunjukkan beberapa persamaan. Antaranya, mereka telah menipu diri ketika meminta watak hero berangkat pergi. Mereka sebenarnya hanyalah gadis lemah dan nasihat agar berangkat itu semata-mata datangnya dari pertimbangan akal, bukannya lahir dari hati dan jiwa. Surat mereka juga menceritakan keadaan diri yang tak keruan setelah keberangkatan kekasih lantaran mereka dikelilingi tempat-tempat dan suasana-suasana yang mengingatkan mereka kepada kekasih. Akhirnya mereka terpaksa menerima hakikat perpisahan dan hanya air mata yang mengiringi. Bagi Hayati, dia lebih beruntung lantaran punya Mak Tengah yang turut berkongsi duka dengannya sekaligus meringankan beban tanggungan hatinya. Warkah diakhiri dengan persoalan yang sama iaitu: bilakah hari-hari bahagia akan kembali? Plot bagi ‘Majdulin’ selepas ini menyaksikan dua lagi surat dihantar oleh Majdulin buat Steven menceritakan kerinduannya. Seterusnya surat balasan yang dinanti dari Steven dan Zainuddin pun tiba. Kandungan surat mempunyai persamaan di mana alam digambarkan sepi dan tidak bermakna lagi tanpa kehadiran heroin di sisi. Heroin juga diingatkan yang mereka lebih beruntung lantaran masih dapat melihat tempat-tempat yang menyimpan kenangan bersama sedangkan watak hero jauh terasing. Hero juga meminta agar heroin terus mengirim surat dan menceritakan apa sahaja perkembangan di sana agar mereka terus kekal dalam perhubungan. (Hamka, 2004: 82-86)(al-Manfaluthi, 2001: 490-493)

Dalam karya al-Manfaluthi, dimasukkan bab Pesta Tarian iaitu suasana keramaian yang diadakan di rumah Steven. Steven telah kembali ke rumahnya tetapi hakikatnya berasa asing di situ lantaran diabaikan dari sudut kasih sayang dan cara pemikiran kaum keluarganya yang jauh berbeza dengannya. Ayahnya cuba untuk memadankannya lagi sekali dengan Baron namun dia menentang keras lantaran hartalah yang menjadi tunjang perkahwinan itu bukannya

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Humanities, Philosophy and Language
IJHPL
EISSN : 2600-8270
Volume 5 Issue 17 (March 2022) PP. 83-106
DOI 10.35631/IJHPL.517007

kasih setia dan kehormatan. Berlaku pertengkaran antara dia dan keluarganya terutama ayahnya yang giat menuntut haknya tetapi selama ini mengabaikan kewajipannya sebagai seorang ayah yang baik dan layak dikasihi. Steven seterusnya menapak keluar dari rumahnya inginkan kebebasan dan kemerdekaan buat dirinya (al-Manfaluthi, 2001: 493-497) menuju ke *Gutting,* dan bertemu guru muziknya, Hommel dan berbincang dengannya tentang masa hadapannya dalam bidang seni. (al-Manfaluthi, 2001: 498-499) Perhubungan surat-menyurat antara Steven dan Majdulin terus berlangsung dan terdapat surat daripada Eugen, saudara Steven dan Edward, rakan karibnya buatnya. Di sini berlaku peristiwa besar yang menzahirkan kemuliaan jiwa Steven sebagai seorang yang sangat menghargai dan menghormati erti persahabatan. Terzahir juga kontra yang amat jelas antara peribadinya dan Edward. Steven telah mendapat kerja dan menceritakan kepada Majdulin hasratnya untuk meminangnya selepas tiga bulan. (al-Manfaluthi, 2001: 499-514)

Manakala dalam karya Hamka, kita dapati surat Hayati buat sahabatnya, Khadijah menceritakan perihal anak muda itu yang diusir serta keinginannya bertandang ke tempat Khadijah. Hamka juga telah memasukkan unsur penerangan sejarah Padang Panjang serta suasana kota tersebut. (Hamka, 2004: 87-91)

Seterusnya, watak heroin sama-sama berpeluang untuk menjejakkan kaki di Koblenz dan Padang Panjang bagi mengunjungi sahabat karib mereka di sana dan menyertai pertunjukan opera dan keramaian pacu kuda dan pasar malam. Setibanya mereka di kota, kejanggalan cara hidup orang kota sangat dirasai namun akhirnya mereka bagai terbiasa, bahkan mula menyenanginya. Bagi Majdulin, dia menari menyanyi sehingga terlupa segala kesusahan dan kesengsaraan. Dia berbicara seperti gadis-gadis Koblenz, dan terpengaruh dengan cara berfikir dan penampilan mereka.(al-Manfaluthi, 2001: 515) Manakala Hayati pula merasa kaku berdekat-dekatan dengan lelaki yang bukan saudara kandung serta cara berpakaian gadis-gadis di sana yang berpakaian ketat ala moden. Tetapi rasa kaku itu hilang seiring dengan peredaran masa.(Hamka, 2004: 96-97) Hayati juga telah didesak oleh sahabat karibnya Khadijah agar berpakaian ala mereka untuk sama-sama pergi ke Pacuan.

" Mula-mula mengalir keringat di dahinya kerana belum biasa. Berat baginya hendak membuka selendang yang telah melilit kepalanya, geli seluruh badannya akan menyinggung baju yang masih ganjil baginya…Tetapi kian selangkah kian hilanglah malunya memakai pakaian yang belum biasa itu. Lama-lama perasaan itu hilang juga. Sebab di jalan dilihatnya, bukan dia saja berpakaian demikian." (Hamka, 2004: 99) Benarlah pepatah Melayu : 'Alah bisa tegal biasa'. Bukan hanya perbuatan yang baik, bahkan meliputi juga nilai-nilai yang luar batasan syariat Allah. Betapa sebenarnya suasana luaran juga memainkan peranan penting dalam pembinaan dan pengekalan syakhsiah muslim. Dalam situasi Majdulin dan Hayati, mereka telah terpengaruh dengan kawan-kawan dan suasana sekeliling.

قال الرسول صلى الله عليه وسلم: المرء على دين خليله ، وقال: إذا لم تستح فاصنع ما شئت

Sabda Rasulullah SAW: Seseorang itu mengikut (agama) perilaku kawannya, dan rasulullah SAW bersabda: Apabila engkau tidak malu, maka buatlah apa sahaja yang diingini (walaupun mengikut nafsu).

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Humanities, Philosophy and Language
EISSN : 2600-8270
IJHPL
Volume 5 Issue 17 (March 2022) PP. 83-106
DOI 10.35631/IJHPL.517007

Rakan-rakan Majdulin dan Hayati telah memainkan peranan mereka dalam menghilangkan sifat malu yang terpuji dalam diri Majdulina dan Hayati, terutama Hayati kerana dia muslimah.

Saat pertemuan yang dinanti-nanti akhirnya tiba. Bagi Majdulin, walaupun dia bahagia dapat bersua muka dengan kekasihnya namun ia juga merupakan saat yang menyeksakan lantaran kekasih hatinya yang belum dikenali oleh rakan-rakannya telah dihina semahu-mahunya oleh mereka ketika dalam suatu pertunjukan opera. Rakan-rakannya yang telah terbiasa menggunakan ukuran paras rupa dan harta dalam menilai seseorang telah mengeluarkan kata-kata menghina bagi menggelar Steven seperti: seekor monyet memakai pakaian manusia, syaitan yang diceritakan kepada mereka semasa kecil dan mereka tidak pernah melihatnya, memakai pakaian yang dicuri dari kubur Firaun atau dari muzium serta punyai rambut yang kusut. Kata-kata nista itu sekalipun menimbulkan rasa malu dalam diri Majdulin namun kasihnya pada Steven tidaklah sampai berubah.(al-Manfaluthi, 2001: 517)

Bagi Hayati pula, dia telah berpeluang bertemu secara terserempak dengan Zainuddin di pesta Pacuan. Namun dia ditarik oleh Khadijah berjalan terus walaupun mengetahui anak muda itu ialah kekasih Hayati. Kawan-kawan Hayati terus mengecam dan memperlekehkan orang yang Hayati kasihi. Antara kata-kata mereka : ***"Rupanya alim betul kenalanmu itu"*** , ***" Tapi model pula saya lihat baju buka ditutupkan ke telapaknya dan tidak memakai dasi***"(Hamka, 2004: 101).Penampilan Zainuddin hakikatnya tidaklah seburuk yang digambarkan oleh rakan-rakan Hayati yang merupakan orang-orang Kota Cuma tidak semoden mereka. ***" Mukanya muram, rambutnya telah panjang, rupanya kurang disisir meskipun bajunya bersih, tetapi tidak memakai dasi. Bersarung, padahal orang muda yang lain berpentalon."*** (Hamka, 2004: 100) Mereka tambah giat mentertawakan Zainuddin apabila dia turut terusir dengan orang yang banyak oleh penjaga yang bertugas kerana berdiri dekat dengan pagar. Di sini kita melihat kepincangan yang berlaku apabila manusia mengutamakan nilaian mereka berbanding nilaian Allah. Rasa bangga atas penampilan mewah diri sendiri dan memandang rendah pada orang lain akan menguasai diri sedangkan nilaian sebenar di sisi Allah ialah taqwa dan bukan kebendaan mahupun keduniaan semata. إن أكرمكم عند الله أتقاكم Jelas disini ada persamaan antara apa yang menimpa Zainudin dan Steven, kecuali ia telah diolah dan diubah mengikut latar dan suasana yang sesuai.

Seterusnya, persoalan perbezaan perasaan jiwa lelaki dan perempuan sama-sama diutarakan oleh kedua-dua karya bagi menghuraikan dan menganalisis plot sebentar tadi. Diterangkan bahawasanya memang berbeza antara jiwa lelaki dan perempuan dalam menafsir erti serta nilai diri kekasihnya. Lelaki memandang wanita sebagai hak miliknya, tiada yang berhak memilikinya dan tidak mahu kecantikan kekasihnya dikongsi oleh lelaki lain lantaran cemburu yang mudah membuak-buak. Bahkan dia lebih suka andai kekasihnya itu dicela-cela hingga rahsia kecantikannya kekal selamat hanya untuk dirinya, matanya, hatinya. Manakala perempuan pula merasa senang dan bangga bila kekasihnya dikata dan dipandang hebat oleh orang lain.(Hamka, 2004: 102-104)(al-Maanfaluthi, 2001: 518-519) ***" Maka nyatalah bahawa cinta perempuan kepada laki-laki lebih banyak berdasarkan ketakburan daripada kenafsuan."***(Hamka, 2004:104) Pada ketika ini, Majdulin dan Hayati mengeluh dalam monologhnya sendirian seraya berkata : kalaulah mereka mengenali siapa dia Steven dan Zainuddin yang sebenar…punya hati budi dan pekerti yang mulia…Pada titik ini jugalah, bermulanya rasa cinta dan kasih yang dahulunya menggunung tinggi memenuhi jiwa menurun ke lereng gunung, bertukar kepada belas kasihan dan simpati kepada nasib Steven dan Zainuddin yang tak habis-habis dirundung malang.

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Humanities, Philosophy and Language
IJHPL
EISSN : 2600-8270
Volume 5 Issue 17 (March 2022) PP. 83-106
DOI 10.35631/IJHPL.517007

Plot berikutnya juga menyaksikan persamaan di mana watak hero mengirimkan surat 'teguran' buat kekasih yang telah memakai baju yang sendat yang bisa menghilangkan rasa malu seorang gadis yang bermaruah tinggi. Namun kita dapati perbezaan gaya bahasa yang digunakan dalam menegur. Zainuddin lebih halus dalam mengungkapkan rasa hati dan tegurannya buat Hayati berbanding Steven terhadap Majdulin. ***" Saya percaya bahawa engkau tak akan terpengaruh…Maafkan saya Hayati, jika saya berbicara terus-terang…walaupun lantaran itu saya akan kau bunuh misalnya, bahagialah saya lantaran tanganmu….Kekanda percaya, bahawa yang demikian bukan kehendak Hayati yang sejati…Maaflah Hayati, bahawa Hayati sangat cantik, dan kecantikannya itu bukannya dibantu pakaian, tetapi ciptaan sejak dia dilahirkan…Jangan marah Hayati…"***(Hamka, 2004: 105-107) Manakala Steven pula menegurnya tanpa sebarang ucapan maaf terlebih dahulu : Aku tidak menyangka yang engkau akan berpakaian sedemikian di tempat yang begitu ramai orang. Tetapi kamu telah tertunduk dengan pemikiran wanita yang bodoh. (al-Manfaluthi, 2001: 520). Besar kemungkinan kehalusan cara menegur Zainuddin merupakan kesan dari penekanan adat Melayu terhadap sopan-santun, dan inilah kebijaksanaan hamka dalam mengolah cerita, beliau terpengaruh dengan bacaannya namun beliau tetap menampilkan kelainan dalam tulisanya.

Sedang asyik Majdulin dan Hayati menatap surat kiriman buah hati mereka, masuklah sahabat karib kedua-dua mereka. Susan dan Khadijah. Kedua-duanya menentang keras isi surat tersebut dan dengan yakinnya mempertahankan hak seorang wanita untuk mempertontonkan kecantikannya serta berbangga dengannya. Bagi mereka, kecantikan lahiriah seorang gadis serta keremajaannya sangat wajar dipertontonkan buat semua, bukan hanya si suami. Sebarang percubaan dari kekasih atau si suami untuk 'memiliki' isterinya dianggap kongkongan kepada kebebasan si perempuan. Mereka sama-sama mendatangkan perumpamaan andai turun malaikat dari langit dengan kekayaan yang melimpah-ruah tetapi 'kebebasan diri' yang menjadi galang gantinya, maka enggan jawapannya. Di sini, Susan lebih kuat kebenciannya terhadap bentuk tawaran ini di mana dia berkata lebih baik dia mati terkejut dan dipenjarakan dan sesat di gurun sahara daripada menerima tawaran itu (al-Manfaluthi, 2001: 521) sedangkan Khadijah hanya cukup dengan mengucapkan selamat jalan bagi sangkar emas. (Hamka, 2004: 108) Kedua-dua watak heroin kemudiannya ditinggalkan bersendirian dan mereka gelisah memikirkan kata-kata itu. Seakan-akan keyakinan mereka sebelum ini telah mula goyah.

Steven mula menghadapi masalah kewangan yang tidak cukup dan telah menerima surat daripada saudaranya Eugen meminta bantuan kewangan untuk membeli pelana kuda yang baru bagi menggantikan yang telah lusuh untuk menghadapi peperangan. Sayangnya Steven tidak dapat membantu. Majdulin pula tidak datang ke tempat Opera seperti yang dijanjikan sebaliknya Steven telah menyaksikan dia sedang menari penuh kegembiraan dengan Edward, teman karibnya sejak kecil. Dia melihat mereka begitu intim menari dan bersukaria dan Majdulin tidak mengubah penampilannya seperti yang diminta sebaliknya terus berpakain nipis. Steven yang terlalu percaya dengan kesetiaan sumpah janji Majdulin menolak semua sangkaan-sangkaan buruk yang bertamu di dalam sanubarinya. Kasihannya, pipinya telah berdarah kerana ditampar dengan cemeti lantaran disangka pelayan yang melakukan kesilapan. Bertambah lagi penderitaannya kerana Majdulina. Plot seterusnya menyaksikan dia telah menemani saudaranya yang jatuh sakit sehingga kematiannya dan tempoh yang lama menyebabkan dia telah dibuang kerja. Hal ini menambahkan lagi penderitaannya sekaligus menyukarkan usahanya meminang Majdulin. Dia turut terdera oleh perasaan bersalah lantaran menyebabkan saudaranya mati secara tidak sengaja. (al-Manfaluthi, 2001: 521-529)

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Humanities, Philosophy and Language
IJHPL
EISSN : 2600-8270
Volume 5 Issue 17 (March 2022) PP. 83-106
DOI 10.35631/IJHPL.517007

Manakala karya Hamka pula mengetengahkan peribadi sebenar Aziz, saudara Khadijah. Aziz boleh diklasifikasikan sebagai lelaki yang suka berfoya-foya,kaki perempuan dan pandai memujuk rayu. Hatinya telah tertawan dengan kecantikan Hayati. Begitu juga halnya Edward. Dia telah berusaha menawan hati Majdulin. Di sini, Khadijah dan Susan sama-sama berusaha memujuk meyakinkan Hayati dan Majdulin agar menerima sahaja Aziz dan Edward sebagai suami sekaligus melupakan Zainuddin dan Steven.

Edward berusaha berbaik-baik dengan Muller, ayah Majdulin,(al-Manfaluthi, 2001: 530) manakala Aziz terus sahaja keluarganya menghantar rombongan meminang Hayati secara beradat, sesuai dengan budaya orang Melayu yang secara umumnya jika orang itu dari keluarga baik-baik, akan terus diusahakan hubungan secara sah, walaupun terdapat juga yang sebaliknya. Zainuddin juga telah berusaha meminang Hayati melalui kiriman surat buat Engku Datuk setelah berhasil mendapatkan wang peninggalan Mak Base yang baru diketahuinya telah meninggal dunia sebanyak Rp 3.200,00 kontan. Namun pinangan itu terlewat dua hari dari hari pinangan Aziz dan tidaklah beradat kerana Zainuddin hanya anak dagang.(Hamka, 2004: 127-135)

Khadijah memaklumkan berita peminangan kepada Hayati melalui surat sebelum lagi rombongan peminangan tiba bagi tujuan memujuknya agar menerima pinangan abangnya yang bakal datang.(Hamka, 2004: 122-125) Manakala Majdulina pula diberitakan kepadanya Susan secara langsung bahawasanya Edward telah diterima sebagai tunangnya oleh ayahnya. Majdulina cuba mempertahankan cintanya namun berjaya ditangkis oleh Susan.(al-Manfaluthi, 2001: 531-532) Isi pembicaraan antara dua sahabat mempunyai beberapa persamaan, antaranya ; Hero bukanlah menyintai heroin sebenarnya sebaliknya menyintai perempuan khayalan yang pada hematnya bersih dan suci daripada aib dan cela. Jika berlaku pernikahan antara mereka maka hakikat itu akan terbukti salah sekaligus diganti dengan perasaan kebencian. Cinta itu ikatan yang lemah, kewanganlah yang akan menguatkannya. Jika berlangsung juga perkahwinan antara mereka dan berlaku masalah kewangan atau hidup, lantas si hero memilih jalan yang salah maka dikatakan heroinlah yang bersalah.(Hamka, 2004: 122-125)(al-Manfaluthi, 2001: 530-533) Di sini, pendirian cinta kedua-kedua heroin yang dahulunya kejap semakin longgar….

Tuhan itu Maha Adil. Steven telah berhasil menerima harta peninggalan saudaranya yang telah mati yang dijagainya dengan baik semasa sakit yang diwasiatkan kepadanya dan membuatkan Steven terus bertindak membina rumah impian yang diidamkan bersama-sama dengan Majdulin. Sampailah berita kematian Eugen sebagai perwira di medan perang. Hal ini menambahkan derita Steven kerana kematiannya berpunca daripada pelana yang sudah lusuh dan talinya koyak. (al-Manfaluthi 2001: 531-532) Namun begitu, Steven menabahkan hatinya dan bersiap-siap untuk meminang Majdulin. Cincin yang mahal dibelinya dan dia pergi sendiri ke Welfach. (al-Manfaluthi, 2001: 536) Manakala Zainuddin walaupun telah berhasil sejumlah wang yang mencukupi untuk peminangan, keadaannya tidaklah sehingga tahap itu. Harapan yang menggunung disimpan dalam hati dan tidak dizahirkan melainkan melalui surat peminangan.

Steven yang dalam keadaan gembira ketika sampai di bangku yang sering didudukinya bersama Majdulin di bawah pohon Tilia terus terpaku melihat aksi sepasang kekasih di hadapannya…Hatinya bagai dirobek-robek oleh binatang buas!! Dia melihat kekasihnya, pujaan hatinya, sedang bercumbuan dengan Edward, sahabat karibnya! Dia mendekati mereka dengan perasaan yang hancur luluh lantaran cintanya dikhianati..apa kurangnya dengan

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Humanities, Philosophy and Language
IJHPL
EISSN : 2600-8270
Volume 5 Issue 17 (March 2022) PP. 83-106
DOI 10.35631/IJHPL.517007

persahabatan yang selama ini dijunjung tinggi…turut dikhianati… Steven yang masih mahu berbaik sangka seterusnya meminta pengertian atas apa yang sedang terjadi dan fahamlah dia yang sememangnya dia sedang dikhianati. Dan sahlah kini dia telah kehilangan Majdulin!(al-Manfaluthi, 2001: 537-543) Situasi bermadu kasih antara Hayati dengan Aziz yang belum lagi menjadi suaminya tidak wujud sama sekali di dalam karya Hamka kerana hal ini sama sekali bercanggah dengan nilai-nilai agama dan adat-adat ketimuran.

Manakala dalam kisah Zainuddin pula, peminangannya nyata ditolak dan peminangan Aziz juga yang diterima oleh permesyuaratan ninik mamak yang berkuasa menentukan jodoh gadis masyarakat Minangkabau. Hayati tidak akan dibenarkan mengahwini Zainuddin mengikut adat mereka. Ujar Mamak Datuk Garang: ***" Meskipun ayahnya orang Batipuh, ibunya bukan orang Minangkabau, mamaknya tidak tentu entah di mana, sukunya tidak ada : tidak ada perpatihnya, tidak ada ketemanggungannya. Kalau dia kita terima menjadi suami anak kemenakan kita, ke mana kemenakan kita hendak menjelang iparnya, ke mana cucu kita berbako, rumit sekali soal ini."***(Hamka, 2004: 140) Hayati dalam berhadapan dengan keputusan kaumnya dicampur pula dengan rasa hatinya bahawa percintaannya dengan Zainuddin telah menemui jalan buntu meskipun Hayati masih mencintai Zainuddin, telah menerima keputusan kaumnya lantaran hidupnya tersangkut dengan keluarganya.(Hamka, 2004: 142-144)

Zainuddin tatkala mengetahui hal penolakan pinangannya, bingunglah dia kesedihan dan bagi mengubat duka lara di hati, dia merantau beberapa hari mengelilingi alam Minangkabau ke Padang, Bandar Sepuluh, Kurinci, Solok, Batu Sangkar dan lain-lain tempat. Namun ternyata tidak ketemu penawarnya. Pulanglah dia ke rumah orang tua yang ditumpangnya sejak duduk di Padang panjang. Tidak lama selepas itu, tiba pula surat dari Khadijah memberitahukan khabar pertunangan Hayati dengan abangnya. Bertambah-tambahlah lagi penderitaannya. Saat ini, dia beruntung punyai sahabat buat berkongsi beban dukanya iaitu Bang Muluk, anak tuan rumah yang ditumpanginya itu. Bertambah pula resah di hatinya tatkala mengetahui Hayati kini tunangan Aziz, yang sebenarnya punya peribadi yang sangat tidak layak untuk menjadi teman hidup Hayati. Hal ini diketahuinya melalui Bang Muluk. Bahawasanya Aziz ialah kaki judi, pengganggu rumahtangga orang, dan bersekedudukan dengan perempuan. (Hamka, 2004: 145-158) Hal yang sama dilalui oleh Steven kerana dia sangat mengenali siapa dia Edward, kerana Edward tidak bukan melainkan kawan karibnya sejak kecil. Pasti benar Steven betapa tidak layaknya Edward untuk bergandingan menongkah hidup bersama Majdulin.

Jika kita berada di tempat mereka, apakah agaknya yang bakal kita lakukan? Satu falsafah hidup yang sangat menarik hati pengkaji ialah ' jika kita benar-benar cintakan seseorang, lepaskanlah dia bebas terbang ke angkasa..jika benar dia milikmu maka pasti dia akan kembali ke pangkuanmu..namun jika sebaliknya, kita akan turut berbahagia melihat kebebasannya, keriangannya dan ketenteraman hidupnya..kerana kebahagian dia adalah kebahagiaan kita jua'. Namun apakah perasaan kita andai kita telah membebaskannya dengan hati yang sedih dan pasrah, tetapi pada masa yang sama mengetahui kecelakaanlah yang bakal menantinya?

Ya, begitu jugalah halnya Steven dan Zainuddin. Surat demi surat dilayangkan buat kekasih…menagih pengertian…menagih penjelasan, ke manakah perginya janji sumpah setia yang telah dimeterai bersama?? Mereka sama-sama membantah perkahwinan yang berdasarkan harta itu dengan logik perkahwinan sebegitu samalah ertinya dengan pelacuran, Cuma bernama nikah sebab berakad sahaja. Bahkan keadaannya lebih hina dari pelacuran kerana dia menjual dirinya bukan kerana sesuap nasi sepertimana kebanyakan pelacur,

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Humanities, Philosophy and Language
EISSN : 2600-8270
IJHPL
Volume 5 Issue 17 (March 2022) PP. 83-106
DOI 10.35631/IJHPL.517007
sebaliknya bagi mendapatkan kemewahan materialisme. Mereka juga mengingatkan tentang peribadi buruk bakal suami Majdulin dan Hayati. Steven mengingatkan bahawasanya Majdulin tidak mengetahui apa-apapun tentang Edward sedangkan dia mengetahui semuanya. Edward tidak memiliki hati seperti hati Majdulin dan tidak memahami erti dan hakikat cinta seperti yang Majdulin fahami dan dia tidak akan dapat menjadi sahabat bagi perasaan dan hati nurani Majdulin. Kata-katanya hanyalah untuk mendapatkan kecantikan Majdulin sedangkan kecantikan pasti kan sirna. Ujar Steven, Tidak lama kemudian, engkau. akan mengalami kesengsaraan dan jika itu yang terjadi maka akulah yang akan sengsara kerana aku mencintaimu dan menginginkan kebahagiaan buatmu walau di mana engkau berada dan aku hanya mengharapkan untukmu seorang dan bukan untukku.(al-Manfaluthi, 2001: 545) Zainuddin pula dalam tulisannya, : ***" Sudah sampai kepadaku khabar bahawa kau telah bertunangan. Itu tidak saya bantah, apa boleh buat! Diriku juga yang malang. Cuma setelah saya dengar bahawa tunanganmu itu Aziz, dan setelah saya selidiki siapa dia, maka saya kirimkan surat ini memberi ingat bahawa perkahwinanmu agaknya tak akan bertemu dengan cita-cita yang sejati. Saya kenal betul haluan hidup kau dan haluan hidupnya. Ini hanya perkahwinan harta dan perkahwinan kecantikan. Bilamana salah satunya telah kurang, maka pergaulan Adinda akan terancam. Dan kalau itu kejadian, maka saya jugalah yang akan celaka. Celaka bukan buat diriku, tetapi buat kau!"***(Hamka, 2004: 164-165) Daripada kedua-dua dialog ini, kita mendapati persamaan yang ketara serta kesesuaiannya dengan falsafah hidup yang telah diutarakan sebentar tadi.

Apa pula reaksi si gadis yang telah memungkiri janji? Pasti dia punya alasan tersendiri. Setelah kiriman demi kiriman surat yang sarat dengan lukisan penderitaan hati Steven dan Zainuddin yang dikecewakan, kemuncak penderitaan mereka serasanya bagaikan roh sudah mahu berpisah dengan jasad, Majdulin dan Hayati yang telah menjadi tunangan orang lain itu pun membalas surat mereka dengan begitu ringkas. Isi kandungannya juga mempunyai beberapa persamaan iaitu : Kedua-duanya secara jujur mengakui sangat terkesan dengan surat-surat yang telah dikirimkan kepada mereka lantas menangis teresak-esak. Namun mereka menyedari bahawa itu semua ialah keluhan dan tangisan orang yang putus asa. Mereka menegaskan kenyataan bahawa mereka gadis miskin dan begitu juga watak hero. Oleh itu perpisahanlah jalan terbaik. Mereka juga meminta agar jangan ada sebarang rasa dendam dengan bakal suami mereka kerana mereka tidak bersalah sebaliknya Majdulin dan Hayati sendirilah yang rela menerima mereka sebagai bakal suami. Surat ringkas itu diakhiri dengan salam kemaafan.(Hamka, 2004: 172-174)(al-Manfaluthi, 2001: 550) Surat mereka diiringi pula dengan balasan ringkas daripada watak hero yang mengatakan dia telah melupakan segala-galanya, mengirimkan sekali semua surat-surat yang diterima dari si perempuan sebelum ini, menerima tali persahabatan yang dihulurkan, tidak akan ada dendam sebaliknya mendoakan kebahagiaan kedua bakal pengantin.(Hamka, 2004: 174)(al-Manfaluthi, 2001: 551)

Semudah itukah Steven dan Zainuddin melupakan Majdulin dan Hayati? Hakikat sebenar diterangkan oleh Hamka manakala tidak kedapatan di dalam karya al Manfaluthi. Hakikatnya ialah menjaga mutu dan maruah sebagai seorang lelaki. Walaupun perasaan cintanya tidak semudah itu untuk pergi, namun setelah penolakan yang jelas dari si gadis, andai masih mahu dirayu-rayu, maka rendahlah martabat si lelaki. (Hamka, 2004: 175)

Perkahwinan Yang Tidak Bahagia

Plot seterusnya menyaksikan persamaan iaitu bab perkahwinan. Berlangsunglah perkahwinan Edward dan Majdulin di gereja dengan meriahnya. Steven rupa-rupanya menghadiri majlis tersebut, tetapi bersembunyi hingga tiada siapa menyedari kehadirannya. Dengan hati yang

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Humanities, Philosophy and Language
IJHPL
EISSN : 2600-8270
Volume 5 Issue 17 (March 2022) PP. 83-106
DOI 10.35631/IJHPL.517007

penuh debaran menanti acara perkahwinan, Steven telah jatuh pengsan sewaktu acara sumpah untuk kedua pengantin berlangsung. Dia hanya tersedar sejam selepas itu dan gereja telah sunyi sepi. Betapa kacaunya gelodak jiwa yang semakin menghimpit membuatkan dia seolah-olah hilang kewarasan. Dia bertindak menuju ke rumah Muller pada malam pengantin Edward dan Majdulin serta menceroboh masuk ke dalam rumah dan telah sampai di hadapan kamar pengantin. Mendidih darahnya tatkala mendengar suara-suara berbisik dan bertambah lagi kemarahannya apabila membayangkan kemesraan dua orang pengantin. Dia cuba mengintip namun gelap. Kosong. Dia cuba mendengar dan terdengarlah bisikan Majdulin kepada Edward 'Engkau adalah hidupku, dan aku tidak dapat hidup tanpa dirimu.' Dek terlampau marah, hampir saja diterajangnya pintu dan mahunya dibunuh mereka namun tidak kesampaian lantaran dia mengambil keputusan mencederakan dirinya sendiri hingga jatuh tergolek di bawah tangga. Geneviva, pembantu rumah yang terlihat akan keadaannya pada pagi keesokannya mengejutkannya dengan belas kasihan dan Steven kemudiannya beredar dari situ membawa hatinya yang lara.(al-Manfaluthi, 2001: 551-553)

Berbeza dengan Hayati selaku seorang melayu muslimah. Perkahwinannya dilangsungkan penuh dengan adat-istiadat Melayu beserta akad nikahnya. ***"Berkali-kali lumbung dipanjat, menurunkan padi yang akan dijemur dan ditumbuk. Kerana menurut pepatah Minangkabau, harta pusaka tak boleh diusik dan digaduh, melainkan jika bertemu sebab yang empat perkara : " Rumah gedang ketirisan, adat pusaka tak berdiri, mayat terbujur tengah rumah, gadis gedang belum berlaki".***(Hamka, 2004: 117) Zainuddin tidak hadir ke majlis perkahwinan itu sepertimana yang dilakukan oleh Steven. Bang Muluk, sahabatnya yang hadir ke sana dan kemudian mengkhabarkan kepadanya telah selesainya perkahwinan mereka.

Apakah yang terjadi kepada Steven dan Zainuddin? Tekanan jiwa yang berat telah memberi kesan kepada fizikal mereka. Terdapat persamaan antara kedua-dua watak hero di mana kedua-duanya jatuh sakit dan ditimpa sakit racau. Pelbagai usaha telah dilakukan untuk memulihkan mereka namun gagal. Oleh itu, usaha yang terakhir ialah menghadirkan ke hadapan mata mereka sendiri orang yang mereka rindui, iaitu punca sebenar sakit itu bertandang. Hadirlah Majdulin dan Hayati bersama suami masing-masing atas permintaan kemanusiaan dari isteri Fritz, Josefine serta doktor yang merawat Zainuddin. Dimintanya mereka menyeru nama Steven dan Zainuddin. Terjaga sahaja dari lamunannya, Steven dan Zainuddin lantas cuba bangun meraikan kedatangan kekasih hati dan fikiran yang sedang kacau menyebabkan mereka berfikir bahawa hari itu ialah hari perkahwinan mereka dengan pasangan masing-masing. Ujar Steven: Alangkah cantiknya wajahmu, Magdalena! Alangkah indahnya gaun pengantin berwarna putih yang engkau pakai. (al-Manfaluthi, 2001: 554) Manakala ujar Zainuddin pula dalam racaunya : ***"…ini Tuan kadi sudah lama menunggu kedatanganmu untuk melangsungkan ijab kabul".***(Hamka, 2004: 182) Keadaan Steven tampak lebih memilukan lantaran ketika dia mendapati kehadiran Edward, dia telah mengimbas semula kenangan persahabatan yang disanjungnya bersama Edward. Sesiapa yang punya hati perut dan perasaan pasti akan tersentuh dengan penderitaan yang dialami oleh kedua-duanya. Akhirnya ketika memegang tangan watak heroin untuk dicium, terlihatlah kilauan cahaya yang datang dari cincin berlian di jari manis Majdulin dan inai jari Hayati. Sekilat itu juga kesedaran menguasai diri semula lalu menjauhkan diri masing-masing dari watak heroin seraya dengan suara yang lirih dan penuh derita menyuruh mereka pergi keluar meninggalkannya. (Hamka, 2004: 175-183)(al-Manfaluthi, 2001: 554)

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Humanities, Philosophy and Language
IJHPL
EISSN : 2600-8270
Volume 5 Issue 17 (March 2022) PP. 83-106
DOI 10.35631/IJHPL.517007

Bangkit Dari Kekecewaan

Babak seterusnya menyaksikan keperitan yang dialami oleh kedua-dua hero dalam menempuh hidup tanpa sang dia yang selama ini merupakan sumber kekuatan diri dan kehidupan berasaskan cinta.

Steven melalui tempoh putus asa yang amat kritikal hingga hampir-hampir dia membunuh diri. Namun ketika nekad sudah menggunung, tiba-tiba dia teringatkan yang tiada gunanya dia bersedih hati berputus asa dari hidup sedangkan orang yang mengkhianatinya mungkin tidak pedulikanpun nasibnya, hatta tidak mustahil dia akan bergembira dengan kematian Steven. Kehadiran Fritz di sisinya turut membantu memulihkan semangatnya yang telah terbang. Nasihat-nasihat yang diberikan bak mutiara yang tersusun dan bernilai harganya.guna menempuh kehidupan ini.(al-Manfaluthi, 2001: 558-560) Zainuddin juga tidak kurang penderitaannya namun tidaklah sampai tahap berfikir mahu membunuh diri kerana dia seorang muslim yang masih waras. Namun Bang Muluk yang bimbang melihatkan keadaannya yang sangat gemar bersunyi-sunyian dan keseorangan telah bertindak mengekorinya dan menasihatinya sebagai seorang sahabat. Apabila diamati, ternyata kandungan nasihat Fritz kepada Steven dan Bang Muluk kepada Zainuddin mempunyai persamaan yang ketara. Antaranya : hentikanlah mengingatinya kerana orang sepertimu tidak layak terkurung dalam hidup yang sebegini sempit hanya kerana seorang perempuan yang jelas telah mungkir janji dan dia pula mungkin sedang bersukaria dengan kehidupan barunya sekarang, di manakah kehormatan dirimu?, carilah kebahagiaan dengan pelbagai cara yang terbentang luas di alam ini, bahagia itu bukan hanya pada wanita tersebut, bangunkanlah semangat juang hidup dalam diri, hanya tiga golongan yang patut sengsara dan kamu/ Guru tak termasuk dalam golongan itu.(Hamka, 2004: 186-194) Hamka telah menambah unsur-unsur nasihat yang mengesankan ketika Bang Muluk berbicara tentang bahawa seorang budiman yang sebenar bila dikecewakan, dia akan mencari jalan untuk membuktikan kemampuannya bangkit berdiri dengan tegak, penuh semangat dan kebanggaan di hadapan perempuan itu dan suaminya. Bahawa dia tidak hancur lantaran dikecewakan sebaliknya terus bergerak ke hadapan. Kerana apa? Kerana ***"cinta bukan mengajar kita lemah tetapi membangkitkan kekuatan. Cinta bukan melemahkan semangat tetapi membangkitkan semangat."*** (Hamka, 2004: 191) Zainuddin pada penghujung pembicaraannya memutuskan mahu berpindah ke Tanah Jawa untuk melupakan segala yang telah berlaku. Bang Muluk berkehendak mengikutnya sekali. Bermulalah janji setia mereka mengikat persahabatan sampai mati.

Plot seterusnya menyaksikan perlahan-lahan kedua-dua watak hero membina kehidupan masing-masing sebagai anak seni.

Steven kembali kepada kepada pekerjaan lamanya di bidang muzik dan memberi sepenuh perhatian kepada bidang yang diminatinya itu. Dia juga mencapai ketenangan dan ketenteraman melalui berbuat baik dan banyak menderma. Steven menumpahkan seluruh kepiluan dan kesedihannya ketika menggesek biola dan memainkan beberapa buah lagu dari piano. Tidak berapa lama kemudian dia mula mencipta nama dan kemasyhuran dengan bakat seninya dan kehalusan perasaannya itu.(al-Manfaluthi, 2001: 560-562)

Zainuddin pula sesampainya di Tanah Indonesia, dicubanya mengirimkan karangan-karangannya kepada suratkhabar-suratkhabar harian dan mingguan. Karya-karyanya rupanya mendapat perhatian ramai dan yang baiknya, dia mengeluarkan dan membuka perusahaan sendiri dan tidak mahu bekerja di bawah orang lain. Namanya semakin harum dan meniti di kalangan peminat-peminatnya yang semakin ramai. Dia kemudiannya berpindah bersama-

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Humanities, Philosophy and Language
EISSN : 2600-8270
IJHPL
Volume 5 Issue 17 (March 2022) PP. 83-106
DOI 10.35631/IJHPL.517007
sama Bang Muluk ke Surabaya, lebih dekat dengan Mengkasar dan meneruskan penghasilan karya-karya yang bersumberkan perasaan yang halus, yang mudah tersentuh dengan penderitaan orang lain kerana dia sendiri biasa hidup menderita. Kemasyhurannya seterusnya membawa kepada penubuhan perkumpulan tonil dengan nama 'Andalas'. Pun, dia tidak lupakan diri sebaliknya gemar membantu anak-anak yatim, fakir miskin dan mereka yang memerlukan. Semua ini membawa ketenteraman dalam dirinya. Begitulah…(Hamka, 2004: 196-200)

Plot dalam kedua-dua novel diteruskan dengan kiriman surat antara dua sahabat. Iaitu antara Hayati dan Khadijah dengan Majdulin dan Susan. Tiga pucuk surat dikirimkan daripada Majdulin dan Hayati kepada rakan karib mereka yang nyata berbeza identiti dan cara berfikir daripada diri mereka sendiri. Ketiga-tiga pucuk surat mengandungi persamaan dan perbezaan dalam isi kandungan. Surat yang pertama mengandungi persamaan-persamaan berikut, iaitu: menceritakan kesedihan hati mereka lantaran terpaksa berpisah jauh dengan sahabat masing-masing lantaran mengikut suami. Seterusnya mereka menceritakan kebahagiaan masing-masing di samping suami tercinta dan khabar yang tersebar tentang kemunculan seorang anak seni yang sangat berbakat. Surat yang kedua pula berbeza. Majdulin menceritakan tentang kematian ayah yang dikasihinya serta kedukaannya dan dia telah menerima kiriman surat takziah daripada Steven. Manakala Hayati pula mengkhabarkan yang dia akan berpindah mengikut suaminya ke Jawa dan akhirnya menetap di Surabaya. Hayati melahirkan kehairanannya lantaran debar jantungnya kian keras, bagaikan dirinya tidak gembira dengan khabar itu. Surat yang ketiga pula mengandungi persamaan ketikamana Majdulin dan Hayati masing-masing mengadu perubahan sikap si suami yang sudah kurang kemesraan dan pandangan kasihnya. Bagaikan habis madu sepah dibuang rasanya laksana diri.(Hamka, 2004: 201-206)(al-Manfaluthi, 2001:562-564)

Tibalah surat balasan dari Susan dan Khadijah. Kedua-dua surat tersebut menafikan rasa hati sahabat mereka tentang perubahan sikap si suami dan menegaskan bahawa si suami sangat mencintai mereka.(Hamka, 2004: 207)(al-Manfaluthi, 2001: 564) Berdasarkan pemerhatian, gaya bahasa Khadijah lebih bersikap sinis. Tidak hairanlah kerana dia adik kandung kepada Aziz, tentulah tidak senang isteri abangnya punyai perasaan sebegitu. Namun, tidakkah dia lebih mengetahui kehancuran budi abangnya?. Antara tulisan Khadijah yang berbaur sinis dan tempelak. ***" suratmu yang terakhir ini sahabat, sangat menghairankan hatiku. Engkau terlalu banyak was-was, terlalu banyak mengelamun…Tuduhanmu atas perubahan hati suamimu terlalu berat…"***(Hamka, 2004: 207)

Plot seterusnya dalam karya al Manfaluthi terus berlangsung dalam ruang-lingkup surat-menyurat. Kali ini Majdulin telah mengirim dua pucuk surat kepada Susan. Dalam suratnya dia bercerita tentang kehadirannya dan suami dalam satu jamuan dan mereka dihiburkan dengan pemuzik handal. Rupa-rupanya orang yang sangat berbakat dan sedang menaik namanya itu ialah Steven! Raut wajahnya telah berubah sama sekali menjadi rapi, tenang dan manis budi pekertinya sehingga semua itu membuatkan dia tampak tampan walaupun hakikatnya tidaklah tampan. Selesai persembahannya, Majdulin dan suami turut bersama dengan peminat-peminatnya yang ramai mengucapkan tahniah kepadanya. Steven hanya tenang apabila ternampak dirinya dan suami, dan melayan mereka dengan layanan seorang sahabat. Edward juga telah berjanji untuk mengunjungi rumahnya dalam masa terdekat.(al-Manfaluthi, 2001: 565-566)

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Humanities, Philosophy and Language
IJHPL
EISSN : 2600-8270
Volume 5 Issue 17 (March 2022) PP. 83-106
DOI 10.35631/IJHPL.517007

Plot novel Hamka ini juga hampir sama dengan yang di atas. Aziz dan Hayati suami isteri telah mendapat undangan dari Kelab Anak Sumatera ke pertunjukan suatu cerita tonil terdiri dari lima babak, karangan pujangga Tuan Shabir yang sedang meningkat masyhur. Pertunjukan Tuan Shabir dengan tajuk 'Berbalik Pulang'telah berlangsung dengan jayanya dan meresap ke dalam hati para penonton. Rupa-rupanya dia ialah Zainuddin! Dia telah menukar namanya kepada 'Shabir' iaitu 'Orang yang bersabar'! Dia juga seperti Steven, tampil dengan penampilan air muka yang berbeza. Dia bukan lagi Zainuddin dahulu yang pemuram sebaliknya kini raut wajahnya tenang dan penuh dengan senyuman. Ketika bertemu dengan Aziz dan Hayati, dia melayan mereka seperti layanan seorang sahabat lama, tidak tampak sebarang dendam yang tersisa. (Hamka, 2004: 209-214)

Berbalik kepada Majdulin, dia terus mengutus surat kepada rakannya menceritakan kesedihan yang dirasainya kerana dirasakan Edward semakin hari semakin jauh darinya. Dia juga mengakui ketidakserasian jiwa mereka berdua lantaran jiwa suaminya bukanlah jiwa seni yang mampu mencintainya seperti yang dikehendakinya. Baru sekarang dia tersedar bahawasanya kehangatan kasih sayang antara mereka masih tidak mampu menyalakan api cinta. Majdulin mengakhiri suratnya dengan meletakkan harapan agar Susan dapat hadir di sisinya, berkongsi rasa meringankan tanggungan perasaan di jiwa.(al-Manfaluthi, 2001: 566-567) Plot berikutnya menyentuh tentang erti kesunyian jiwa. Ya..ketidakserasian dua jiwa yang cuba dicantumkan melalui ikatan perkahwinan itu akhirnya telah melahirkan satu rasa yang sangat sepi dan sunyi …menguasai jiwa…Nyatalah apa yang dibimbangi Steven selama ini telah terjadi..Edward mula berasa jemu terhadap Majdulin. Tentunya kerana perkahwinannya didasari syahwat. Edward hanya sesuai dengan gadis yang punyai peribadi dan jiwa sepertinya. Begitu juga dengan Majdulin. Kerana jiwa yang mencintai dunia tidak akan bersatu dengan jiwa rohaniah dalam apa hal sekalipun dalam hidup bersama. Kini teryatalah Edward tak pernah mencintainya atau jika pernah pun mencintainya bukanlah datangnya dari jiwa. Majdulin mula merasa kesengsaraan hidup yang pernah diperingatkan Steven kepadanya satu ketika dahulu. (al-Manfaluthi, 2001: 567-569)

Sementelah Aziz dan suami pula telah beberapa kali menziarahi Zainuddin di rumahnya sebagai sahabat. Namun dalam pada itu, tanpa sebarang kaitan dengan Zainuddin, retak rumahtangga Aziz dan Hayati hakikatnya menanti belah sahaja. Hal ini berlaku lantaran kefahaman masing-masing terhadap pengertian cinta yang jauh berbeza. Aziz melihat cinta sebagai kecantikan lahiriah dan bukannya pada keserasian hati. Oleh itu, kecantikan yang semakin pudar pada sepasang mata yang memandangnya setiap hari mula menjarakkan apa yang dinamakan sebagai 'cinta' oleh Aziz. Hayati mula terasa kebenaran bahawasanya ketulenan cinta sebenar ialah apa yang ada pada Zainuddin bukannya Aziz. Pun begitu, dia cepat-cepat sedar hakikat dirinya yang sudah menjadi isteri orang dan belajar menerima takdir sengsara dirinya. Cuma, dia mahu tahu untuk menimbulkan pengharapan kehidupan kepadanya, adakah Zainuddin masih ingat padanya? Ataukah benar-benar telah melupakannya? Namun dia tak bertemu hakikat itu kerana Zainuddin begitu pandai menyimpannya sekemas mungkin. Hayati juga telah hilang sandarannya tempat mengadu rasa pada sahabatnya Khadijah setelah menyedari bahawa Khadijah akhirnya hanya akan berpihak kepada Aziz juga dan bukan kepada kebenaran.(Hamka, 2004: 215-220)

Majdulin juga seperti Hayati yang akhirnya tidak menemui kemanisan serta ketulusan dalam persahabatan bersama Susan. Ternyata Susan tidak mampu mengisi ruang hatinya yang disediakan khusus untuk yang bergelar sahabat. Apakah yang telah Susan lakukan? Dia telah memutuskan persahabatannya secara tidak langsung dan penuh berhati-hati setelah mengetahui

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Humanities, Philosophy and Language
IJHPL
EISSN : 2600-8270
Volume 5 Issue 17 (March 2022) PP. 83-106
DOI 10.35631/IJHPL.517007
keadaan Majdulin yang telah bankrap lantaran kejahatan suaminya sendiri yang degil mahu berterusan dalam tabiatnya berjudi sekalipun telah dibantu oleh Steven sebelum ini yang melunaskan hutang-hutangnya, suaminya lari meninggalkannya keseorangan, dia juga kehilangan segala-galanya melainkan dirinya dan kandungannya. Majdulin berada pada kemuncak tekanan hingga terasa mahu membunuh diri, dan memohon belas kasihan Susan untuk sama-sama menjinjing berat yang sedang dipikul. Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul. Tiada balasan surat dari Susan. Majdulin terus merayu meminta simpati sahabatnya itu kerana semua orang telah memutuskan hubungan dengannya. Steven telah pergi mengembara selama beberapa bulan tanpa mengetahui apa yang sedang berlaku pada dirinya, dan mustahil untuk Majdulin pergi mengadu kesusahannya kepadanya. Majdulin mengadu kepada Susan keadaan dirinya yang sentiasa dihantui niat membunuh diri dan keadaannya yang lemah dek sarat mengandung. Namun apa yang tiba buat Majdulin hanyalah sepucuk surat dari Frederick, suami Susan yang memberitahukan perkhabaran sakit tenat Susan dan ketenangannya yang tidak boleh diganggu menurut nasihat doktor. Majdulin meragui kesahihan surat itu dan terbukti keraguannya berasas apabila seorang gadis yang mengunjunginya di rumah memberitahu baru semalam dia menerima surat ucapan ulang tahun dari Susan bahkan Susan menjemput lagi dia datang ke rumahnya dan menghabiskan masa bersamanya di Berlin selama musim bunga. Majdulin terkedu penuh kekecewaan atas sikap seorang 'sahabat' yang selama ini dianggap sahabat karibnya. Dia kemudian menyalahkan dirinya atas segala musibah yang telah menimpa ke atas dirinya sendiri. Inilah agaknya balasan mengkhianati cinta suci Steven buatnya.(al-Manfaluthi, 2001: 581)

Masaalah Rumahtangga Majdulin Dan Hayati Membuka Peluang Cinta Kedua Kepada Steven Dan Zainuddin

Manakala Zainuddin pula, sebijakmanapun dia menyembunyikan, hatinya sebenarnya masih setia mencintai Hayati. Dalam hatinya pula muncul dua perjuangan. Pertama, rasa cinta yang kekal kepada Hayati. Kedua, perasaan dendam yang sukar dikikis lantaran mungkir Hayati kepada janji setia mereka. Aziz pula dengan tabiat berjudinya dan kaki perempuan yang kembali merajai hidupnya membawa kepada ketidakamanan dalam kehidupan rumahtangganya bersama Hayati. Barang emas Hayati habis digadai, disumpah seranahnya Hayati sesuka hati hinggakan rumah telah bertukar menjadi neraka buatnya. Akhirnya Aziz terperangkap dalam jerat hutang yang dipasang dengan penuh licik selama ini. Sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah jua. Mereka suami isteri akhirnya tinggal sehelai sepinggang. Mereka akhirnya menuju ke rumah Zainuddin. Disambutnya mereka dengan hati yang bersih, dilapangkan tempat buat mereka dan diurusnya dengan baik keadaan Aziz yang ditimpa sakit.(Hamka, 2004: 221-229)

Terdapat persamaan pada bab sakit ini. Edward sebelum melarikan diri meninggalkan Majdulin, telah ditimpa sakit akibat jatuh bankrap. Stevenlah yang merawat dirinya dan membantu menghiburkannya untuk meringankannya dari beban kekusutan yang menghantui.(al-Manfaluthi, 2001: 573)

Aziz telah meninggalkan Hayati di bawah jagaan Zainuddin dan Muluk untuk mencari pekerjaan lain di luar kota Surabaya. Sepeninggalannya, Zainuddin dan Hayati hidup di dalam satu rumah, dekat, tetapi jauh. Apa ertinya? Ya, ijab dan kabul-nya dengan Azizlah yang telah menjadi batas, yang memisahkan hati mereka berdua dari bersatu(Hamka, 2004: 233-234). Zainuddin ingin menghormati ikatan perkahwinan mereka dan tidak mahu dia sekali-kali untuk mengkhianatinya walaupun Aziz kini tidak lagi berada bersama mereka.secara zahirnya.

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Humanities, Philosophy and Language
IJHPL
EISSN : 2600-8270
Volume 5 Issue 17 (March 2022) PP. 83-106
DOI 10.35631/IJHPL.517007

Hal yang sama juga berlaku tatkala Steven berkesempatan buat pertama kalinya berdua-duaan (dekat) dengan Majdulin setelah Majdulin mengikat tali perkahwinan dengan Edward. Hal ini berlaku ketika Steven membawa mereka bercuti ke rumah impiannya yang dibina untuk Majdulin bagi menghiburkan hati Edward yang sedang tertekan. Ketika duduk bersama Majdulin tanpa menunjukkan sebarang tanda kasih cintanya yang masih tersimpan rapi buat Majdulin, dia bermonolog sendirian : 'Inilah Majdulin yang sedang duduk tanpa berpisah denganku tapi sekarang aku tak dapat menghulurkan tanganku dan memuaskan mataku untuk memandangnya sekalipun jarak yang sangat dekat namun terasa jauh seperti jarak antara diriku dengan bintang yang sedang bersinar di langit.'(al-Manfaluthi, 2001: 575)

Hayati dan Majdulin Mencari Bukti Cinta Zainuddin dan Steven

Hayati akhirnya mengetahui rahsia sebenar hati Zainuddin yang selama ini disangkanya telah melupakannya…rupa-rupanya masih mencintainya. Keterbongkaran ini hasil perbualannya dengan Muluk, ketika dia mendesak Muluk menceritakan apa sebenarnya yang telah terjadi hinggakan Zainuddin seolah-olah enggan bertemu-muka dengannya. Tidak lain tidak bukan kerana ingin menjaga kesucian cinta itu. Walaupun mereka dekat, namun syariat menghalang.(Hamka, 2004: 235-241)

Majdulin pula telah dapat mengorek dengan sendirinya kewujudan cinta Steven buatnya walau cuba disembunyikan sedalam-dalamnya oleh Steven melalui perbualan mereka pada malam tersebut. Malam ketika Edward telah kepenatan tertidur, keluarga Fritz telah pulang dan tinggallah mereka berdua. Majdulin telah meluahkan rasa itu pada sahabatnya Susan melalui surat yang dikirimkannya. Katanya : 'Dulu aku tidak mengetahui, tidak menemui tanda cinta di wajahnya sehinggalah aku duduk di sisinya beberapa malam yang lalu. Di sanalah terjadinya perbualan yang panjang antara kami berdua dan saat itu perasaan hatinya bergelojak dan membara. Dia menangis, merintih, marah dan bimbang menjadikan aku mengetahui yang dia tidak melupakan satu pun dari kenangan kami.'(al-Manfaluthi, 2001: 579)

Plot seterusnya dalam novel Hamka menyaksikan ketibaan surat dari Aziz yang secara rasmi menceraikan isterinya, Hayati dan meminta jasa baik Zainuddin untuk menerimanya sebagai isteri. Plot ini digarap dengan baik oleh Hamka berbanding dengan Edward yang begitu sahaja melarikan dirinya, meninggalkan isterinya tanpa sebarang rasa kebertanggungjawaban. Cuma yang dikesali di sini ialah tindakan Aziz yang telah membunuh dirinya di Hotel Banyuwangi. Dia nyata melalui suratnya telah kesal dengan segala kejahatannya yang lampau.(Hamka, 2004: 243-248) Tetapi tindakannya membunuh diri ternyata jalan singkat yang menambahkan lagi kejahatannya.

Berbalik kepada Majdulin yang telah habis harapannya untuk meneruskan kehidupan melainkan kerana anak yang sedang dikandung dan harapan yang masih berbaki terhadap kewujudan cinta suci Steven buatnya. Majdulin menuju ke rumah asalnya di Welfach yang kini telah menjadi hak milik orang lain, meminta belas kasihan tukang kebun kepada tuan rumah yang baru untuk meminta izin tuan rumah menyewa bilik tingkat atas rumah itu (dahulunya bilik Steven) selama satu hingga dua bulan.

Majdulin kemudiannya berseorangan mengenangkan apa yang telah berlalu serta berfikir tentang membunuh diri setelah melahirkan kandungannya. Habis sahaja tempoh pantang, dia mendapat berita yang suaminya telah membunuh diri di sebuah hotel di Chicago. Terdapat persamaan di sini dengan cara kematian suami Hayati. Bezanya suami Hayati telah kesal

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Humanities, Philosophy and Language
IJHPL
EISSN : 2600-8270
Volume 5 Issue 17 (March 2022) PP. 83-106
DOI 10.35631/IJHPL.517007
dengan perbuatannya manakala Edward mati setelah kalah berjudi. Bertambah-tambahlah beban yang harus ditanggung oleh Majdulin.(al-Manfaluthi, 2001: 582-583)

Steven yang pergi jauh mengembara selama berbulan-bulan selepas perbualannya yang panjang dengan Majdulin tempoh hari telah menerima khabar kematian Edward. Dia meratapi kematian sahabatnya itu dan pantas teringatkan Majdulin. Bagaimanakah dia? Dia segera berangkat ke Koblenz dan kemudian ke Gutting setelah mengetahui keberadaan Majdulin di sana bersama anaknya yang baru dilahirkan. Dia telah mengetahui kesengsaraan yang sedang ditanggung oleh Majdulin. Steven sangat bersimpati dengan keadaan itu dan bersegera menemui Majdulin yang sedang duduk di bangku yang selalu dididuki oleh mereka suatu ketika dulu. Majdulin meminta agar Steven memaafkannya, barulah dia dapat menghadapi semua musibah yang bertimpa-timpa ini dengan sabar dan tabah. Ketika ini peluang terbuka luas bagi Steven untuk membalas dendam sebenarnya kerana Majdulin sudah tiada apa-apa. Dia lemah tidak berdaya. Cahaya pengharapan untuk hidup juga semakin pudar baginya. Namun, mungkin Steven tidak sedar betapa buruknya kesan percubaan hatinya meluahkan semua dendam yang selama ini disimpan kemas pada saat Majdulin sudah berada di hujung pengharapan hidup. Dia hanya mampu berpaut pada hujung tali harapan yang diikat pada sinar kemaafan dan cinta suci Steven. Pun, Steven hanya manusia biasa..yang tidak mampu mengagak bahawa tekadnya untuk meluahkan segala kemarahannya hanya akan membinasakan diri Majdulin dan juga dirinya..kerana kebahagiaan Majdulin adalah kebahagiaannya juga…dan begitulah…. Steven telah meluahkan kata yang dia tidak dapat memaafkan Majdulin dan tidak dapat melupakan kesalahan-kesalahan Majdulin. Majdulin menangis tersedu-sedu mendengarkan setiap kesalahannya memungkiri janji setianya bersama Steven dibongkar semula di depannya…(al-Manfaluthi, 2001: 583-585)

Begitulah juga halnya keadaan antara Zainuddin dan Hayati…Berperanglah di dalam diri Zainuddin selaku orang yang punya kuasa mutlak menentukan samada membiarkan ego menguasai diri atau melenturkannya selentur mungkin. Hayati juga mengatakan bahawa dia sudi menanggung segenap cubaan berat yang menimpanya asal sahaja Zainuddin sudi menghulurkan kemaafan buatnya. Namun apa jawab Zainuddin? ***"Tiba-tiba diangkatnya kepalanya dan dilihatnya Hayati dengan mata yang gagah: "Maaf?" "Kau meminta maaf Hayati? Setelah segenap daun kehidupanku kau regas, segenap pucuk pengharapanku kau patahkan, kau minta maaf?"***(Hamka, 2004: 250) Hayati sememangnya bersalah kerana memungkiri sumpah setia mereka. Ya, dia memang layak dimarahi…tapi bukan pada saat ini…saat di mana dia seorang perempuan yang sangat lemah zahir dan batin…saat dia sangat memerlukan sokongan dan bukannya kemarahan. ***"Jangan kau jatuhkan kepadaku hukuman yang begitu ngeri! Kasihanilah seorang perempuan yang ditimpa celaka berganti-ganti ini."*** (Hamka, 2004: 250) Zainuddin terus membongkar kesalahan demi kesalahan yang dilakukan oleh Hayati yang menyebabkannya makan hati berulam jantung serta hampir hampir terjerumus di dalam kecelakaan. Akhirnya dia sambil mengungkapkan bahawa Hayati bukan kecintaannya, bukan tunangannya, bukan isterinya tetapi janda dari orang lain akan dihantarnya pulang ke tanah asalnya, Tanah Minangkabau. Hayati yang masih yakin dengan keutuhan cinta antara mereka menolak keputusan itu dengan pilunya**.. *"Tidak! Saya tidak akan pulang, saya akan tinggal dengan engkau di sini. Biar saya kau hinakan, biar kau pandang sebagai babu yang hina. Saya tak perlu kau beri belanja berapa pun banyaknya, saya perlu dekat kau!".*** (Hamka, 2004: 252) Ratap Hayati berhiba-hiba, bersedih-sedih, meminta dikasihani…Pelik dan aneh sekali tabiat manusia ini….Peperangan antara cinta dan dendam terus hebat bertempur di dalam diri Steven dan Zainuddin..sebentar merasa kasihan..Buktinya, ketika saat-saat genting yang hanya kedengaran tangis ratap lemah wanita yang dicintai, terlintas di fikiran

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Humanities, Philosophy and Language
EISSN : 2600-8270
IJHPL
Volume 5 Issue 17 (March 2022) PP. 83-106
DOI 10.35631/IJHPL.517007

Steven untuk memeluk dan mendakapnya ke dada sambil menyatakan " Aku tak dapat memiliki kebahagiaan tanpamu di sisi". Manakala Zainuddin juga begitu. ***" Apakah yang akan ditunggunya lagi? Bukankah Hayati itu nyanyian hidupnya selama ini? Dia teringat kembali semuanya itu, dia perlu ada bersama Hayati di sampingnya. Dia tahu bahawa dia tidak merasai bahagia hidup kalau tidak dengan Hayati."***(Hamka, 2004: 252)

Sikap Ego Dalam Cinta Steven dan Zainuddin

Namun ketika itu juga ego sebagai lelaki memuncak. Kedua-duanya menyatakan pada diri masing-masing pantang mengambil bekas lelaki lain (janda)(Hamka, 2004: 253)(al-Manfaluthi, 2001: 585) …sedangkan mereka sangat mencintai Majdulin dan Hayati…namun ego menguasai diri tika itu..Manakala Zainuddin kembali teringat penghinaan – penghinaan yang pernah diucapkan kepadanya ninik mamak Hayati.

Majdulin mendekatkan dirinya dengan Steven lalu memeluknya. Ingin mencari perlindungan dari lelaki yang dicintai. Namun takdir telah menentukan terkeluarnya ungkapan cinta yang sama dari mulut Majdulin dengan ungkapan buat suaminya, Edward pada malam pengantin mereka 5 tahun lepas, membuatkan Steven spontan menarik tangannya dari rangkulan Majdulin dan menghempasnya dengan kasar sehingga dia terlempar ke bawah bangku, menafikan sebarang rasa cinta dan kasihnya buat Majdulin seraya terus meninggalkannya keseorangan.(al-Manfaluthi, 2001: 585)

Zainuddin juga begitu Cuma tindakannya tidak sekasar Steven. Dia menolak kata-kata Hayati yang ingin kekal di sampingnya dan mengatakan bahawa Hayati mesti pulang ke Padang dan terus meninggalkan Hayati keseorangan.(Hamka, 2004: 253-254)

Jika direnung semula, mengapakah hati boleh setega itu? Ya, penderitaan demi penderitaan yang telah tak tertanggung oleh jiwa dengan sebab pengkhianatan agaknya yang mendorong Steven dan Zainuddin bertindak sedemikian. Sememangnya luka dikhianati terutama oleh mereka yang sangat dipercayai kesetiaannya amat mendalam dalam jiwa serta menanti masa sahaja untuk berdarah semula. Namun menzahirkannya saat orang tersebut dalam keadaan paling naïf, lemah jiwanya, hilang sinar cahaya pengharapannya untuk meneruskan kehidupan, bukanlah satu tindakan yang bijak dan bersandarkan kewarasan sebaliknya mewariskan kedukaan yang sangat mendalam…tiada lagi ubatnya melainkan maut…

Pengajaran

Alangkah indahnya jika kisah ini dijadikan pengajaran buat kita semua… Pengajaran agar melebihkan rasa simpati dan menutup sekemas-kemasnya rasa ingin membalas dendam. Bukankah Pencipta kita telah berfirman dalam nada memujuk hamba-hambaNya??((...وليعفوا وليصفحوا ألا تحبون أن يغفر الله لكم ؟.))(Surah an-Nur:22) .

Rasulullah s.a.w juga ada bersabda yang mafhumnya tentang hakikat siapa sebenarnya yang dikatakan orang yang kuat itu? Al Qawiyy?? Adakah orang yang dapat mengalahkan musuhnya?? Tidak!! Sebaliknya ialah orang yang dapat menahan rasa marahnya serta tidak membalas dendam terhadap perlakuan buruk musuhnya sedangkan dia berupaya membalasnya kalau dia berkehendak. Pintu peluang itu telah terbuka seluas-luasnya namun keinsanan dan kewarasan menguasainya lalu menutup pintu itu seraya menghulurkan tangan simpati dan cinta. Di dalam novel ini, tidak lain, egolah yang menghalang Steven dan Zainuddin daripada menerima Majdulin dan Hayati di saat sebenarnya mereka saling perlu-memerlukan untuk mencapai kebahagiaan yang telah sekian lama terhalang. Ah…betapa tragisnya pengakhiran

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Humanities, Philosophy and Language
IJHPL
EISSN : 2600-8270
Volume 5 Issue 17 (March 2022) PP. 83-106
DOI 10.35631/IJHPL.517007

kedua-dua karya agung ini…menjadi pengajaran yang sangat berguna buat yang datang selepasnya..hatta dalam kehidupan kita seharian…

Pada pengakhiran kisah, kita mendapati sedikit perbezaan antara kedua-dua karya di mana Hayati meninggal dunia lantaran kecelakaan tenggelamnya kapal Van Der Wijck, manakala Majdulin pula telah menamatkan riwayat hidupnya sendiri dengan cara terjun ke dalam sungai dan lemas di dalamnya setelah meninggalkan anaknya kepada Steven. Amatlah jelas bahawa Hamka bijak menyesuaikan plot dengan nilai masyarakat melayu Islam yang memandang jijik kepada perbuatan membunuh diri dan ia juga dilarang keras oleh Islam. Persamaan yang ketara pula ialah punca utama kematian kedua-dua watak heroin ialah 'lemas' manakala pebezaannya ialah Hayati tidak meninggal dunia di tempat kejadian sebaliknya sempat diselamatkan dan dibawa ke rumah sakit di Lamongan. Kebijaksanaan Hamka dalam menggarap plot yang tragis ini telah berjaya menimbulkan unsur suspens serta kepiluan dalam jiwa para pembaca. Adakah Hayati akan terselamat atau sebaliknya? Adalah dipercayai bahawa kebanyakan pembaca sepanjang pembacaannya pada mulanya menganggap bahawa Hayati akan terus meninggal lemas di dalam laut tanpa kesempatan bertemu dengan Zainuddin. Namun apabila didapati Hayati masih hidup, maka harapan mula bercambah dalam diri pembaca untuk melihat Hayati sembuh dan hidup bahagia dengan Zainuddin akhirnya. Namun takdir mengatasi segala-galanya. Percintaan antara dua anak muda yang suci ini terhalang lagi. Kali ini buat selama-lamanya. Pun begitu, kesempatan Zainuddin berada di samping Hayati, menemaninya ketika saat-saat dia berhadapan dengan Sakaratul maut, serta mengungkapkan cinta dan harapannya yang hakikatnya terlalu mendalam buat Hayati,

" Tidak Hayati, kau akan sembuh, kita akan kembali ke Surabaya menyampaikan cita-cita kita, akan hidup beruntung, berdua!..."(Hamka, 2004: 276) ,serta kesempatan Hayati mengetahui hakikat kecintaan Zainuddin yang sebenarnya masih utuh buatnya setelah dinafikan sebelum ini saat dia disuruh pulang telah berjaya mewujudkan satu suasana yang harmoni dan melegakan untuk pengakhiran sebuah kisah cinta di dunia ini. Buktinya, ungkapan Hayati di hujung hayatnya ***" Cuma, jika kumati hatiku telah senang, sebab telah kuketahui bahawa engkau masih cinta kepadaku!"***(Hamka, 2004: 276)**.** Dapat disimpulkan di sini bahawasanya perpindahan Hayati ke alam baqa' berlaku dengan hati yang senang lantaran berpeluang mengetahui hakikat kecintaan Zainuddin buatnya. Begitu juga, tekanan yang dihadapi oleh Zainuddin dengan kematian Hayati bolehlah diertikan sebagai lebih ringan berbanding kesengsaraan yang dirasakan oleh Steven dengan sebab kematian Majdulin yang membunuh diri kerana kesengsaraan hidupnya yang telah mencapai kemuncak lantaran 'ditolak' cintanya oleh Steven.

Ungkapan terakhir Majdulin dalam suratnya yang terakhir buat Steven jelas menunjukkan situasi ini :***" Selamat tinggal Steven. Ucapan yang ingin kukatakan di saat terakhir hidupku ialah "Aku mencintaimu dan mati keranamu".***(al-Manfaluthi, 2001: 590) Tekanan memuncak yang terpaksa dihadapi oleh Steven lantaran apa yang telah terjadi dapat diperhatikan dalam ketidakwarasannya selepas kematian Majdulin, iaitu dia hampir-hampir membongkar kubur kekasihnya . Dia juga menjerit setiap kali tergambar saat-saat kematian Majdulin dan kegagalannya menyelamatkan Majdulin daripada mati lemas di dalam sungai : ***" Akulah pembunuh, pencabut nyawa dari tubuh badannya dan memisahkan jantung dari hatinya. Celakalah aku! Betapa buruknya nasibku…"***(al-Manfaluthi, 2001: 592) Dalam karya 'Majdulin', pengakhiran kisah cinta antara Steven dan Majdulin sangat memilukan lantaran ketidaksempatan kedua pasangan ini untuk 'berdamai' dalam erti kata seperti plot yang didapati dalam karya Hamka sebaliknya hanya surat Majdulin penghubung terakhir

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Humanities, Philosophy and Language
IJHPL
EISSN : 2600-8270
Volume 5 Issue 17 (March 2022) PP. 83-106
DOI 10.35631/IJHPL.517007
antara mereka berdua. Hayati juga ada meninggalkan surat penghabisan buat Zainuddin dan isi kandungannya banyak persamaan dengan surat terakhir Majdulin buat Steven. Antaranya : persoalan : Kenapa engkau tidak sudi memaafkan kesalahanku? Kalaulah engkau memaafkanku, engkau pasti akan beroleh wanita yang masih suci jiwanya, batinnya, dan perihal Steven dan Zainuddin yang ibaratnya menyepak cawan dan piala yang penuh berisi kecintaan, yang sepatutnya diminum bersama, juga kemaafan telah diberi dan walaupun takdir mengatakan kita tidak bertemu di dunia, tetapi moga terlapanglah pertemuan kita di akhirat.(Hamka, 2004: 263-265)(al-Manfaluthi, 2001: 588-590) Kedua-dua surat ini memiliki kuasa ajaib yang mampu menarik hati sesiapa yang membacanya untuk hanyut bersama dalam badai duka yang menggila. Bagaimanapun terdapat kesamaan tindakbalas watak hero yang diakibatkan oleh kesedihan yang mendalam lantaran kehilangan kekasih mereka buat selama-lamanya serta cinta yang tak kesampaian, iaitu mencium jenazah kekasih mereka. ***" Zainuddin tidak dapat menahan hatinya lagi, didekatinya kepala mayat itu, dibarutnya rambutnya yang bergelung,… kemudian dibarutnya kening mayat itu sekali lagi, dan diciumnya bibir yang telah pucat itu, cium yang tidak ada nasib baginya buat pendapat semasa hidup…"***(Hamka, 2004: 277)***. "…dan dia mencium bibirnya dengan ciuman yang ketika dulu haram baginya namun kini menjadi halal setelah terbujur kaku."***(al-Manfaluthi, 2001: 588) Kemudian kedua-duanya pengsan di sisi mayat**. Situasi ini membuktikan betapa tegangnya emosi kesedihan menguasai diri hingga tak termampu lagi ditanggung oleh jasad. Pun begitu, kewujudan babak ini dalam novel karya Hamka sedikit sebanyak mencacatkan kemurnian cinta hakiki, melainkan sekiranya diperbolehkan di dalam Islam mencium jenazah yang bukan mahram.

Plot cerita seterusnya sekaligus penutup buat kedua-dua karya menunjukkan kesamaan iaitu Zainuddin dan Steven akhirnya menemui ajal tidak lama setelah kematian Hayati dan Majdulin lantaran kesihatan mereka yang semakin merosot. Tidak mustahil bahkan hakikatnya, penderitaan jiwa yang harus ditanggung oleh kedua-dua watak hero inilah sebenarnya yang telah memakan diri mereka dari dalam hingga tiada lagi berbaki semangat ingin hidup Mereka masing-masing menemui ajal sebagai orang seni. Zainuddin mati dalam menulis akhir satu karangan manakala Steven mati seusai sahaja menyanyikan lagu *'Oh Tuhan! Mengapa Engkau membuatku sengsara sedangkan aku tak pernah buat orang lain sengsara'* karangan Beethovan. Karya asal iaitu 'Majdulin' pada bab terakhir memfokuskan kepada kisah Beethoven(al-Manfaluthi, 2001: 593-597) sebagai lambang diri Steven. Walaubagaimanapun adalah dirasakan kewujudan watak ini 'menyerabutkan' plot cerita Sebaiknya difokuskan sahaja kepada Steven sendiri. Mereka juga sama-sama meninggalkan wasiat dan dikuburkan berdekatan dengan pusara kekasih mereka. Pusara Zainuddin berdekatan dengan pusara Hayati manakala Steven dimakamkan dalam satu kubur dengan Majdulin seperti wasiatnya.

Penutup

Kesimpulannya kedua-dua karya yang bertemakan cinta yang tidak kesampaian ini menginsafkan kita betapa manusia hanya mampu merancang, tetapi Allah jualah yang berkuasa mentakdirkan apa yang dikehendakiNya. Sekuatmanapun sumpah yang dimeterai, seteguhmanapun ikatan hati, jika Yang Maha Berkuasa tidak mengizinkan, maka pasrahlah kita sebagai hambanya. Secara peribadi, walaupun pengkaji begitu terpesona dengan kedua-dua karya ini, terutama karya Hamka lantaran suasana latar belakang dan plotnya yang bertepatan dengan jiwa muslim melayu pengkaji, namun ingin dinyatakan bahawa cinta itu hakikatnya terlalu suci untuk disandarkan dan digantungkan pengharapannya pada seorang yang bergelar hamba Allah yang sifatnya terlalu kerdil serta tidak berupaya memberi manfaat mahupun mudharat pada sesiapa hatta pada dirinya sendiri. Tidak dapat dinafikan sama sekali

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

International Journal of Humanities, Philosophy and Language
IJHPL
EISSN : 2600-8270
Volume 5 Issue 17 (March 2022) PP. 83-106
DOI 10.35631/IJHPL.517007

kejayaan karya ini dalam mengetengahkan isu cinta antara dua remaja dalam bentuk realiti dalam masyarakat, serta penumpuan kepada betapa ajaibnya kuasa cinta. Kurniaan Ilahi ini mampu mencetuskan satu gelombang positif dan ceria dalam diri setiap insan serta merubah jiwa dalamannya sekaligus kehidupannya. Namun dibimbangi penonjolan cinta manusia yang terlalu ketara di dalam karya ini mampu mengalpakan para pembaca daripada hakikat kehebatan cinta dan pergantungan kepada Ilahi. Sebaiknya ditonjolkan kehebatan jiwa Zainuddin dan pergantungannya yang kuat kepada Ilahi setelah kematian Hayati berbanding kemurungannya dan pengasingan dirinya daripada masyarakat. Namun begitu, karya-karya seumpama ini boleh dimanfaatkan oleh para remaja khususnya dalam menilai erti cinta, mengambil mana-mana pengajaran yang bermanfaat yang terdapat di dalamnya. Sesungguhnya, kedua-dua karya ini sarat dengan pengertian cinta dan kehidupan. Misalnya : ***" Cinta adalah iradat Tuhan, dikirimnya ke dunia supaya tumbuh. Kalau dia terletak di atas tanah yang lekang dan tandus, tumbuhnya akan menyiksa orang lain. Kalau dia datang kepada hati yang keruh dan budi yang rendah, dia akan membawa kerosakan. Tetapi jika dia hinggap kepada hati yang suci, dia akan mewariskan kemuliaan, keikhlasan dan taat kepada Ilahi"***(Hamka, 2004: 61) **.** Ungkapan ini tersirat di dalamnya pengertian pentingnya memiliki hati yang suci lagi bersih (قلب سليم) sebagai persediaan mendapat cinta yang hakiki dari Ilahi, kemudian barulah insan. Bersih dari sebarang penyakit hati, baik dengki, riya', nifaq, kufur, dan seumpamanya. Hati yang bersih ini jugalah persediaan utama kita bersama untuk mengadap Ilahi nanti.

قال الله تعالى:{يوم لا ينفع مال ولا بنون إلا من أتى الله بقلب سليم-(Surah as-Syua'ara: 88)

Tuntasnya, setelah meneliti secara keseluruhan dan dalam dua karya ini, jelas, terdapat proses 'terpengaruh', dari novel yang dihasilkan sebelumnya. Tidak dapat dinafikan, HAMKA telah terdedah dengan novel novel dan buku barat yang telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Arab. Novel Magadalena telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Arab dari Bahasa Perancis, karya asalnya adalah ditulis oleh Alfonso Karr. Ada sebahagian pengkritik sastera, mengatakan bahawa karya terjemahan yang dihasilkan Manfaluti dalam bahasa Arab ini lebih baik dari karya asalnya dalam bahasa Perancis.

Rujukan

Buku

Al-Quran al-Karim

H.B Jassin, 1972, **Polemik ,** *Ins :* Prof Dr.Hamka : Sambutan Terhadap Tulisan Kol. Drs. H. Bahrum Rangkuti berjudul IMAJINASI, OBSERVASI, DAN INSTUISI pada cerpen Langit Makin Mendung, Penerbitan Pustaka Antara: Kuala lumpur.

Hamka, 2004, **Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck**, Pustaka Dini Sdn. Bhd: Selangor.

Mustafa Lutfi al-Manfaluthi, 2001 M/1422 H, **al-Majmuah al-Kamilah** (Bahasa Arab), Cetakan 1, Beirut:

Muasasah al-Maarif. (مصطفى لطفي المنفلوطي، **المجموعة الكاملة**، ط 1، بيروت : مؤسسة المعارف. 1422هـ – 2001م)

Mustafa Lutfi al-Manfaluti, 2020, **Majdulin.** Terjemahan Adli Yaacob. IIUM Press: International Islamic Universiti Malaysia.

Internet:

http://www.alirsyad.or.id/more.php?id=456_0_13_0_M

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved